

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

---

**Jilid II                      Bil. 13                      Hari Selasa                      16hb. April, 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Ruangan )

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

Indeks Rasuah Antarabangsa Transparent International  
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar  
(Syarikat Pengganti) 1995 (Ruangan )

**USUL:**

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Melalui Penukaran Pinjaman RM300 juta  
Kepada Ekuiti Dalam UDA Holdings Sdn. Bhd. (Ruangan )

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Kedua****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,  
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb. April, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****UJIAN DADAH TERHADAP ATLET NEGARA - PERATURAN****1. Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan berpuas hati tentang peraturan pengendalian ujian dadah terhadap atlet-atlet yang mewakili negara dan apakah jenis-jenis dadah yang diuji dan apakah bentuk ujian yang dijalankan; dan
- (b) apakah dakwaan pengambilan dadah oleh pemain sepak takraw yang mewakili negara baru-baru ini benar yang menyebabkan kekalahan pasukan negara di sukan SEA yang lepas.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Belia dan Sukan berpuas hati dengan peraturan pengendalian ujian dadah terhadap atlet-atlet yang mewakili negara. Ujian terhadap atlet-atlet negara adalah mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC). Ujian dadah dilakukan melalui dua cara, iaitu ketika atlet menjalani latihan dan semasa pertandingan dijalankan. Ujian dadah dilakukan bagi memastikan atlet-atlet kita ini tidak mengambil dadah yang dilarang oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa seperti Anabolic Steroid, Narcotic Analgesics, Stimulants, Dueritics dan sebagainya.

Jawatankuasa Perubatan dan Dadah di bawah Majlis Olimpik Malaysia mengendalikan ujian dadah melalui pemeriksaan air kencing terhadap atlet-atlet secara rambang, iaitu 'by random check', dengan izin.

- (b) Pasukan Sepak Takraw negara telah dibentuk selama dua tahun, iaitu pada tahun 1994 hingga 1995 bagi menghadapi sukan SEA ke-19 di Chiangmai yang lalu. Sepanjang dua tahun tersebut beberapa ujian air kencing telah dijalankan bagi mengesan pemain-pemain yang menyalahgunakan dadah. Daripada pemeriksaan yang dilakukan, tiada seorang pun pemain yang dikesan menggunakan dadah.

Di samping itu, semasa Kem Latihan Nasional di Universiti Pertanian Malaysia, ujian dadah secara rambang juga telah dijalankan oleh Jawatankuasa Perubatan dan Dadah Majlis Olimpik Malaysia dan didapati hasilnya ialah negatif. Sementara itu, semasa sukan SEA juga telah menjalankan ujian dadah secara rambang dan sekali lagi hasilnya adalah negatif.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut penilaian kementerian ini adalah tidak benar mengatakan bahawa kekalahan pasukan negara kita ini di sukan SEA adalah kerana isu pengambilan dadah. Hakikatnya, pasukan negara kalah kepada pemain tuan rumah kerana pemain-pemain Thailand adalah lebih bersedia, baik dari segi fizikal dan mental, di samping kelebihan sebagai tuan rumah.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa pasukan kita tidak mempunyai kemampuan seperti pasukan tuan rumah. Kenapa keadaan jadi begitu?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, apabila negara kita menghantar pasukan-pasukan negara kita ini ke negara lain untuk menyertai suatu temasya sukan, pasukan kita kena bersedia dengan baik dan bersungguh-sungguh. Ada kemungkinan, ada alasan-alasan yang mungkin boleh menerangkan mengapa pasukan-pasukan kita ini kalah, termasuk pasukan sepak takraw, iaitu seperti apa yang saya katakan tadi, dari segi fizikal dan mental serta persediaan untuk menyertai dalam temasya sukan itu kemungkinan tempoh masa yang digunakan untuk menyediakan atlet-atlet pasukan kita ini adalah tidak cukup ataupun pelatih-pelatih kita ini tidak cukup baik untuk melatih atlet kita ini. Ada bermacam-macam alasan.

Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Olympic Council Malaysia (OCM) dan juga NSC sedang menjalankan kajian untuk menentukan di mana kelemahan negara kita. Dan juga apabila kita hantar pasukan untuk menyertai dalam suatu temasya di negara lain, saya sebutkan tadi kelebihan

sebagai tuan rumah iaitu 'spectators', dengan izin, adalah menyokong pasukan mereka. Ini telah memberi satu tekanan psikologi kepada pasukan kita ini. Ini adalah satu faktor negatif bagi pasukan kita dan jikalau kita hendak menang bukanlah begitu mudah.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa semua persediaan kita bolehlah dikatakan 'tip-top' dalam dunia ini. Tetapi saya juga diberitahu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab bahawa pasukan-pasukan kita apabila pergi ke luar negeri mereka joli. Setakat manakah perkara ini benar? *[Ketawa]*

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tidak benar. Persediaan yang telah diberikan kepada pasukan-pasukan kita ini, Kementerian Belia dan Sukan tidak mengatakan bahawa ini adalah 'tip-top' tetapi persediaan telah dianggap sebagai cukup. Tetapi hakikatnya ialah negara lain telah mendapat kemajuan yang lebih baik dan lebih besar, jadi pasukan mereka adalah lebih kuat. Walaupun kita juga telah jadi lebih baik, tetapi pasukan mereka lebih kuat lagi.

#### **BURSA SAHAM KUALA LUMPUR - KENAIKAN HARGA TAWARAN**

2. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau dan Suruhanjaya Sekuriti berasa selesa tentang keadaan premium hari pertama kaunter-kaunter yang baru disenaraikan sebanyak beratus-ratus peratus ke atas harga tawaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (contohnya Asia File sebanyak 414% daripada harga tawarannya sebanyak RM3.40, Latex sebanyak 318% dari RM4 dan Bina Darulaman sebanyak 325% dari RM2). Adakah kenaikan tinggi ini sihat, realistik, masuk akal, mencerminkan satu pasaran modal yang matang dan maju serta yang penting sekali tidak ada sebarang penyelewengan atau manipulasi pasaran modal.

**17.4.1996**

39. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan pendirian beliau dan Suruhanjaya Sekuriti tentang kenaikan mendadak harga kaunter-kaunter di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang naik melambung tinggi tanpa logik dan masuk akal, seperti Repco yang naik daripada RM5 ke RM83. Adakah kenaikan tanpa asas-asas kewangan ini digalakkan oleh pihak kementerian dan Suruhanjaya Sekuriti. Kalau tidak, apakah sebab kenaikan ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mempertahankan kepentingan pelabur-pelabur dalam BSKL.

**7.5.1996**

20. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) langkah kementerian untuk memastikan kegiatan memanipulasikan harga dan perniagaan dalam di BSKL tidak dijalankan; dan
- (b) bilangan syarikat atau individu yang didapati terlibat dengan manipulasi harga saham di BSKL.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama dibangkitkan sekali lagi oleh Yang

Berhormat dari Kota Melaka untuk dijawab pada 17.4.1996 dan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan yang dijadualkan dijawab pada 7.5.1996, saya memohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat keputusan pelaburan, para pelabur pada kebiasaannya akan menimbang pelbagai faktor seperti kedudukan kewangan syarikat, potensinya dan keadaan industri di mana syarikat itu beroperasi. Faktor-faktor itu adalah penting dalam mempengaruhi harga syer di pasaran. Kerajaan tidak campur tangan dalam proses penentuan harga memandangkan para pelabur telah pun didedahkan dengan maklumat lengkap syarikat semasa prospektus diterbitkan. Kenaikan syer dalam syarikat-syarikat seperti Asia File, Latex dan Bina Darulaman adalah ketika pasaran saham tempatan dan pasaran asing mengalami kenaikan yang berterusan misalnya ketika syer Asia File dan Latex disenaraikan, index komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah meningkat pada masa setiap syarikat disenaraikan iaitu sebanyak 10.86 mata dan 18.66 mata. Begitu juga dengan syer Bina Darulaman yang meningkat semasa indeks komposit BSKL melonjak tinggi. Kenaikan ini mempengaruhi catatan premium di kaunter-kaunter itu.

Walaupun terdapat unsur-unsur spekulasi dalam dagangan syer-syer itu, Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL mendapati bahawa urusan syer-syer itu adalah tidak melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pihak Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL akan sentiasa mengawasi agar tidak berlaku kegiatan manipulasi dan juga untuk mengawal spekulasi yang berlebihan.

Peraturan perniagaan BSKL memperuntukkan bahawa had kenaikan dan penurunan harga saham sesuatu kaunter adalah pada tahap 30% bagi setiap sesi dagangan. BSKL juga boleh menandakan ataupun dengan izin, the sit nett, sesuatu kaunter jika terdapat kegiatan spekulasi yang luar biasa.

Setakat ini langkah-langkah yang telah diambil oleh BSKL adalah agak berkesan dalam membanteras aktiviti spekulasi yang keterlaluan. Akta Perindustrian Sekuriti 1983 juga memperuntukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang kurang sihat termasuk yang berkaitan dengan kegiatan manipulasi sebagai sesuatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti. Suruhanjaya akan sentiasa mengawasi usaha-usaha BSKL bagi memastikan keberkesanannya terhadap peruntukan ini.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti masih menjalankan siasatan ke atas syarikat atau individu yang terlibat dengan kegiatan manipulasi harga. Suruhanjaya juga sedang berusaha ke arah penzahiran sepenuhnya dengan prinsip bahawa para penerbit saham harus bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat yang lengkap dan menepati masanya kepada para pelabur. Pendidikan dan latihan di kalangan para pelabur juga diberi penekanan di samping berusaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya mewujudkan pasaran modal yang matang dan maju.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat puashatilah dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Cuma satu, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak menerangkan dan memberi penjelasan tentang kenaikan harga dalam pasaran yang melonjak, tetapi adakah Security Commission dan juga kerajaan memonitorkan saham-saham yang jatuh, pasal apa dia jatuh? Kenapa dia jatuh? Jadi, yang tadi cerita pasal naik, ini cerita pasal saham jatuh. Jadi adakah kementerian juga akan memonitorkan kedudukan saham apabila saham sesuatu syarikat itu menjunam? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, kita ambil kira juga saham yang jatuh iaitu 30% di bawah harga yang disenaraikan pada sesi itu, bukan yang naik sahaja, kita kira dua-dua, yang jatuh dan yang naik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ada perhatikan bahawa dalam soalan asal saya terdapat satu kesilapan di sana, di mana kenaikan Asia File ialah sebanyak 414%, bukan 44%. Saya harap pihak urusetia boleh perbetulkan.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah jawapan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa cuba mengelak daripada menjawab soalan pokok saya iaitu mengapa nampaknya macam ada 'double standard' oleh Suruhanjaya Sekuriti. Apakah kriteria? Kriteria yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak dilaksanakan? Macam mana pihak kementerian boleh memastikan bahawa kriteria yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dilaksanakan supaya kenaikan secara mendadak sebanyak 414% untuk Asia File, Latex 318%, Bina Darulaman 325%, adakah ini berkepentingan untuk pelabur-pelabur saham sedangkan hakikatnya dari segi fundamental, Tuan Yang di-Pertua, mungkin berlainan. Seperti Repco, saya rasa Yang Berhormat

Timbalan Menteri sedar bahawa Repco telah naik sampai RM80 lebih, sungguhpun dia mengalami kerugian dalam akaun kewangannya untuk tahun ini, prestasi kewangannya telah turun. Oleh sebab itu saya hendak tanya macam mana Suruhanjaya Sekuriti melaksanakan kriterianya supaya kepentingan pelabur-pelabur dalam BSKL boleh terjamin di mana tidak ada satu standard untuk syarikat tertentu ikut apa kriterianya tetapi untuk syarikat-syarikat, saya tidak tahulah apakah keistimewaannya mereka tidak diambil tindakan langsung, harganya terus dibiarkan dan dibenarkan naik. Sekian.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka mencampuradukkan dua perkara yang berlainan. Soal Yang Berhormat tanya tadi ialah soal tiga kaunter yang diambil contoh sebagai the first day of listing tetapi Yang Berhormat bangkit Repco dan membandingkan, tidak kena, sebab Repco naik bukan on the first day of listing, dengan izin. Repco ini naik dalam masa yang singkat daripada harga RM7 kepada RM88, ini sedang disiasat oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti kerana siasatan itu belum lagi selesai dan beberapa perkara sedang diteliti oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan bahawa apakah kenaikan mendadak dalam masa dua, tiga minggu, dari RM7 sampai RM88 itu berlaku disebabkan penyelewengan dalam bentuk insider trading ataupun spekulasi yang keluar daripada peraturan-peraturan.

Di dalam pertanyaan Yang Berhormat yang asal mengenai dengan first day of listing, ini kalau Yang Berhormat masih lagi ingat mengenai dengan re-market forces saya telah menyenaraikan beberapa faktor tadi.

Misalannya faktor kedudukan kewangan syarikat yang digunakan oleh pelabur sebagai panduan kalau syarikat itu mempunyai tinggi profitabilitinya, dengan izin, ia mungkin menarik banyak kenaikan harga yang tinggi potensi mengenai syarikat itu untuk berkembang, sektor di mana syarikat itu terletak.

Misalannya dalam masa setahun dua ini.

Jikalau satu-satu syarikat itu terletak di dalam sektor pembinaan, pembinaan sedang meningkat 15% pertumbuhannya setahun. Itu pun

menjuruskan kepada kenaikan harga yang tinggi. Permohonan membeli yang berlebihan atau over subscription, baik di dalam pasaran kita mahu pun di pasaran luar kerana pelabur melihat, jikalau banyak sangat over subscription, maksudnya demand adalah tinggi daripada supply dan juga khabar angin. Mungkin satu-satu kaunter yang baru dilisting itu dikaitkan dengan Timbalan Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan, itu khabar angin yang tidak betul.

Jadi, itu pun, kelima-lima faktor yang disebutkan tadi menjadi faktor yang mempengaruhi pelabur-pelabur untuk menawarkan harga yang tinggi, Yang Berhormat. Jadi, pada hari pertama pihak kerajaan yang memegang pada dasar free trade yang mengharapkan market forces menjalankan kuasanya, kita tidak akan cuba menahan. Tetapi pada hari kedua, jikalau ianya melonjak seperti mana yang saya kata tadi, melebihi 30% asas harga pada sesi itu, maka kita akan mengambil tindakan. Ini untuk hari pertama sahaja, Yang Berhormat. Kalau selepas itu, barulah kerajaan masuk.

Jadi, kepada sesiapa yang belajar ilmu ekonomi, ini adalah perkara lumrah. The first day, first impression, berasaskan kepada supply and demand. Jadi, first impression ini, kita pun, kalau tengok seseorang gadis itu cantik, first impression, kita naik sayang, tetapi selepas 5 hari, lain ceritanya, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**LADANG SAWAH PADI DI SARAWAK - CADANGAN  
MEMPERBESARKAN**

**3. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) memandangkan kawasan tanah di negeri Sarawak masih besar dan luas, adakah kerajaan bercadang untuk membuka ladang/estet (sawah padi) secara besar-besaran seperti di Semenanjung Malaysia (contohnya di Kedah) supaya negara kita tidak mengimport banyak beras daripada luar negeri; dan
- (b) apakah rancangan masa depan kementerian untuk menstabilkan harga koko, lada hitam, getah dan hasil pertanian yang lain supaya taraf ekonomi pekebun kecil di kawasan luar bandar tidak terjejas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin**

**Taib]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa sekarang ini kerajaan belum bercadang membuka ladang atau estet padi secara besar-besaran di Sarawak oleh kerana ini akan melibatkan pelaburan yang sangat besar, terutamanya dari segi kemudahan pengairan.

Tumpuan akan diberikan terhadap usaha-usaha penanaman padi di kawasan-kawasan jelapang padi yang sedia ada yang mempunyai kemudahan pengairan untuk menjamin hasil pengeluaran yang tinggi dan supaya sawah-sawah dapat digunakan secara optimum.

Penekanan strategi kerajaan dalam penanaman padi, terutama di Sarawak adalah dalam meningkatkan

produktiviti atau hasil purata pengeluaran padi di kawasan-kawasan yang sedia ada, terutamanya dengan menumpukan ke arah penambahbaikan usaha ladang dan meningkatkan mekanisasi.

Perluasan penggunaan biji benih bermutu atau certified seed, dengan izin, perkhidmatan pengembangan dari segi memperkenalkan teknologi bersesuaian, pengurusan sumber air yang cekap dan peningkatan intensiti tanaman.

Kerajaan Negeri Sarawak juga akan meneruskan subsidi bagi pembelian-pembelian 'amophos' untuk petani-petani yang mengusahakan padi bukit ataupun padi huma supaya dapat meningkatkan lagi hasil penanaman padi mereka.

- (b) Memandangkan lada, getah dan koko adalah merupakan komoditi eksport di mana harga adalah tertakluk kepada harga pasaran dunia yang sentiasa turun naik, maka pengeluaran komoditi tersebut juga adalah ditentukan oleh faktor-faktor pasaran dunia dari segi harga dan permintaan dunia.

Namun demikian, terdapat skim penimbal harga yang dilaksanakan oleh agensi-agens antarabangsa seperti Pertubuhan Koko Antarabangsa, Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa dan Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli untuk menstabilkan harga tersebut.

Bagi lada hitam pula, Jemaah Pengawasan Lada Hitam ada menyediakan skim penyimpanan dan pemilikan lada dan juga berfungsi sebagai penimbang harga.

Di samping itu, untuk tujuan menstabilkan pendapatan pentani-petani di dalam penanaman koko, getah dan lada hitam, kerajaan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-

- (i) mempelbagaikan penggunaan komoditi dan memperluaskan pasaran supaya kebun tidak bergantung kepada pasaran tradisional sahaja dan menjalankan usaha-usaha pengeluaran produk untuk meningkatkan nilai tambah melalui penggalakan kegiatan hiliran agar pergantungan berlebihan kepada sektor tersebut

dapat dikurangkan dan seterusnya  
meningkatkan harga komoditi pengeluaran  
tempatan;

- (ii) mengurangkan kos pengeluaran melalui peningkatan kecekapan pengeluaran dan produktiviti dalam penanaman, pembajaan, pengairan dan pemerosesan dengan memperkenalkan teknologi-teknologi yang berkesan dari segi kos dan melalui aktiviti R&D dan pengembangan kualiti.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Sarawak, masih ramai para petani kita di luar bandar menggunakan cara tradisional iaitu self cultivation. Oleh yang demikian, hasil pendapatan mereka memang tidak lumayan. Jadi, apakah rancangan masa depan kerajaan supaya petani itu menukar cara mereka bertani kepada cara yang lebih komersil?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang sedar perkara ini dan mengambil tindakan untuk memperkenalkan sistem yang lebih sesuai lagi di Sarawak. Mungkin, rancangan yang sedang dijalankan sekarang ialah dengan mengubahsuaikan mereka yang bertanam padi secara shifting cultivation itu dapat mengubahkan cara-cara mereka dan inilah

yang sedang digunakan sekarang ini dan perkembangan akan terus dijalankan untuk membolehkan mereka berbuat demikian.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan bahagian (a) dan kepada fakta bahawa jumlah pengeluaran dalam negeri untuk padi adalah menurun berbanding dengan jumlah permintaan dan juga bahawa kita boleh berharap kepada pihak petani untuk menambahkan pengeluaran mereka secara besar-besaran, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah dasar kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta untuk melibatkan diri dalam perkara pengeluaran beras ataupun padi secara besar-besaran dan apakah insentif-insentif yang diberi kepada pihak swasta di dalam perkara ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kerajaan memberi perhatian kepada petani dengan menggalakkan pihak swasta untuk mengambil bahagian dalam penanaman padi. Sekarang ini, di peringkat Menteri sedang berusaha membincangkan sesuatu untuk diadakan di Sarawak. Memandangkan Menteri Pertanian adalah orang Sarawak, ini sedang dibincangkan sekarang dan saya pun tidak boleh beri kata putus berkenaan perkara ini. Memanglah kita akan mengambil perhatian.

#### **BELIA TERLIBAT GEJALA SOSIAL - RANCANGAN KHAS MELALUI RADIO DAN TV**

**4. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan golongan belia menghadapi pelbagai masalah dan gejala sosial, adakah kementerian mempunyai sebarang cadangan untuk

menambahkan rancangan-rancangan dan masa penyiaran dalam radio dan TV khas untuk golongan belia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd.**

**Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan untuk para belia dalam radio dan televisyen adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa untuk disesuaikan dengan kehendak dan ekspektasi para belia masa kini. Bentuk rancangan juga adalah dipelbagaikan seperti majalah, forum, ceramah, talkshow dengan penonton dan dokumentari.

Selain daripada itu, tema-tema yang menyentuh isu belia, khususnya peranan dan permasalahan yang dihadapi juga diterapkan di dalam rancangan-rancangan berbentuk drama. Diharap melaluinya akan dapat menarik minat para belia mengikuti rancangan-rancangan dalam televisyen dan radio supaya mereka dapat manfaat daripadanya.

Sehubungan dengan itu juga, dalam penerbitan rancangan-rancangan di televisyen dan radio untuk golongan remaja dan belia, RTM senantiasanya bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan serta agensi-agensi lain yang berkaitan di mana antara lain tujuannya ialah untuk mendapatkan input yang sesuai daripada agensi-agensi berkenaan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar tentang alasan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen, kita melihatkan bahawa telah banyak usaha kementerian ke arah menyedarkan golongan belia. Jadi, saya ingin tahu adakah cadangan

kementerian Yang Berhormat Datuk untuk memfokuskan secara terus target group yang telah kita kenal pasti untuk dibawa ke dalam televisyen ataupun ke dalam radio supaya memberikan ruang untuk mereka meluahkan perasaan dan sebagainya ataupun menayangkan filem secara terus mengenai aktiviti mereka tanpa disedari supaya contoh-contoh itu akan dapat diperlihatkan kepada masyarakat umum?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi peringkat pada masa kini di mana Yang Berhormat membangkitkan tentang adakah kementerian berhasrat untuk menyelaraskan program-program itu dengan kumpulan yang begitu kecil atau specific target group, dengan izin, buat setakat ini kita tidak ada rancangan untuk membuat pendekatan sedemikian. Walau pun demikian, kita mengambil pendekatan yang agak menyeluruh kerana maklumlah negara kita ini adalah merupakan negara berbilang kaum, majmuk, berbagai budaya dan agama anutannya berlain-lain, makanya kita hendak lahirkan selaras dengan wawasan negara kita iaitu melahirkan satu bangsa Malaysia makanya kita hendak bawa bersama tidak mengira mana kumpulan. Dalam pada itu, kementerian akan sentiasa mengambil perhatian seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan golongan belia India adalah yang banyak sekali terlibat dalam aktiviti-aktiviti anti sosial dan memandangkan rancangan TV dalam bahasa Tamil khas untuk golongan belia

sangat kurang, apakah rancangan kementerian untuk menambahkan rancangan-rancangan dan masa penyiaran TV dalam bahasa Tamil untuk golongan Tamil khasnya?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, mengenai dengan rancangan pada saat ini kita berpendapat bahawa rancangan yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian menerusi RTM adalah mencukupi seperti drama dan berbagai-bagai program belia yang ada khusus untuk masyarakat belia India.

Adalah juga menjadi harapan kita menerusi berbagai program seperti yang saya jawab tadi dalam soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu, kita hendak melahirkan satu masyarakat bangsa Malaysia yang tidak ada tolok bandingnya seakan-akan tidak ada perbezaan budaya di antara satu dengan lain, itu menjadi aspirasi kita. Jadi, pada saat ini kita rasa rancangan-rancangan yang sedang kita laksanakan sama ada menerusi RTM, radio mahu pun televisyen mencukupi.

#### **PINJAMAN PERUMAHAN KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN TIDAK TETAP - PERTIMBANGAN**

5. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah bank atau institusi kewangan kerajaan sanggup menyediakan pinjaman perumahan kepada golongan yang tidak berpendapatan tetap sebagai langkah positif mengatasi masalah perumahan. Adakah kerajaan juga akan minta bank-bank perdagangan melonggarkan syarat-syarat yang sedia ada untuk membantu golongan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjadikan dasar perumahan terutamanya perumahan kos rendah sebagai agenda utama pembangunan negara. Peranan kerajaan adalah lebih tertumpu kepada menyediakan bekalan rumah yang mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. Manakala bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan adalah menyediakan pembiayaan akhir ataupun end financing, dengan izin, oleh pembeli rumah.

Setakat ini, kerajaan tidak berhasrat untuk mengarahkan bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan untuk memberi kelonggaran yang khusus kepada peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Walau bagaimanapun, institusi perbankan akan mengambil kira beberapa faktor tertentu seperti pendapatannya, bilangan ahli keluarga termasuk juga keupayaan peminjam membayar balik pinjaman mereka sebelum meluluskan sebarang pinjaman.

Bagi peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap, institusi perbankan biasanya akan meminta peminjam mengemukakan bukti pendapatan atau lain-lain bukti seperti akaun simpanan dan penyata cukai pendapatan yang boleh menyokong permohonan pinjaman perumahan mereka.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada dua syarat khusus yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan apabila pemohon pinjaman membeli rumah ini, rumah murah

khususnya, menemui mereka. Satunya ialah tentang penyata cukai pendapatan, yang keduanya ialah penyata pendapatan. Ini yang menjadi masalah kepada kebanyakan golongan berpendapatan rendah yang tidak dapat mengemukakan ini dan banyak permohonan mereka ini ditolak oleh pihak institusi kewangan berkenaan yang sepatutnya memainkan peranan. Apakah pihak kementerian berhasrat untuk mengadakan suatu rundingan dengan pihak institusi-institusi kewangan ini supaya dapat mempertimbangkan semula syarat-syarat ini memberi kelonggaran yang lebih kepada golongan-golongan yang sukar membuktikan mereka ini mempunyai pendapatan tetap bulanan? Walaupun mereka sebenarnya ada pendapatan, tetapi dari segi "documentary proof"nya, susah hendak dibuktikan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada syarat-syarat yang disebutkan seperti penyata pendapatan ataupun penyata cukai itu, bukti-bukti yang lain seperti simpanan di dalam bank ataupun penyata EPF ataupun bukti-bukti yang menunjukkan ahli keluarganya yang sanggup membantu untuk sama-sama membayar ansurannya, itu pun boleh ditimbang dalam permohonan pinjaman itu.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kepada jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Soalan saya ialah pak tani, nelayan, pencari kerang, peniaga yang secara kecil-kecilan terdapat kebanyakan di pinggir-pinggir bandar dan

mereka menghadapi masalah bila tidak dapat mengemukakan cagaran, penyata EPF dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kerajaan sanggup mengkaji supaya satu bentuk pinjaman mungkin RM10,000 ataupun RM15,000 ke bawah tanpa faedah diberikan kepada penduduk-penduduk golongan ini agar mereka dapat duduk dalam rumah yang lebih selesa ataupun mempunyai rumah sendiri dengan cagaran tanah yang akan mereka dirikan rumah itu? Tuan Yang di-Pertua, itu soalan saya.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai rancangan yang berlainan untuk membantu golongan yang disebutkan tadi itu seperti melalui projek PPRT di mana adalah diberikan pemberian peruntukan untuk membina rumah dan sebagainya supaya dapatlah mereka membina rumah kepunyaan sendiri.

Berkenaan dengan cadangan supaya diberikan pinjaman tanpa faedah sampai RM10,000 itu, belum lagi di dalam pertimbangan kerajaan tetapi mungkinlah selepas pertanyaan seperti ini, pihak yang berkenaan akan mengambil kira.

#### **TOKOH AGAMA DALAM FORUM PERDANA - KRITERIA PEMILIHAN**

6. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria terhadap pemilihan seseorang tokoh agama untuk menyertai program-program seperti Forum Perdana dan lain-lain rancangan agama yang disiarkan oleh RTM.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria terhadap pemilihan seseorang tokoh agama untuk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan TV terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) ialah mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang atau tajuk-tajuk yang dipilih serta mengetahui mengenai dasar-dasar kerajaan.

Sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai dan memenuhi kriteria tersebut boleh dipilih untuk muncul di dalam rancangan-rancangan agama tersebut.

### **GADIS REMAJA HILANG - TINDAKAN**

7. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kehilangan gadis-gadis remaja dan adakah sebarang jawatankuasa ditubuhkan untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kehilangan gadis-gadis remaja melalui beberapa program yang dijalankan sepanjang tahun.

Di antara programnya ialah mengadakan kempen kesedaran di kalangan ibu bapa dan remaja, mengadakan majlis ceramah, menguruskan khemah kerja membina semangat, mengadakan aktiviti rekreasi, kaunseling dan bimbingan ilmu kekeluargaan.

Walaupun tidak ada jawatankuasa khas untuk masalah kehilangan gadis-gadis remaja, tetapi ada Jawatankuasa Juvana di seluruh negara kerana gadis-gadis yang hilang ini apabila menghadapi ataupun ada masalah lari dari rumah, jadi Jawatankuasa Juvana akan bertindak sebagai jawatankuasa pelindung.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, jangan silap, saya bukan Setiausaha Parlimen [*Ketawa*] saya Ahli Parlimen, jadi saya duduk dekat mereka, mungkin tidak dapat berdiri [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu sebab anak-anak gadis ini lari daripada rumah ialah kerana ibu bapa mereka kadang-kadang suka bergaduh, berkelahi - ini adalah salah satu sebab, selain daripada sebab-sebab yang lain. Jadi, adakah rancangan kementerian agar kemahiran ibu bapa (parenting skill) ini dapat kita rujuk ke kawasan-kawasan di luar bandar? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab saya ingat khusus kepada kawasan-kawasan bandar, tetapi boleh dikatakan ramai anak gadis yang lari adalah dari kawasan-kawasan kampung kerana barangkali hendakkan perubahan hidup, kerana masalah kekeluargaan. Jadi, adakah kementerian

bercadang untuk mempergiatkan lagi aktiviti kesedaran keluarga ini di kawasan-kawasan luar bandar.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dianggap oleh Yang Berhormat dari Yan iaitu jawapan tadi dikhaskan kepada kawasan bandar, ini tidak betul, kerana perkara yang saya sentuhkan tadi memang keseluruhan di negara kita, bukannya di bandar, tetapi di luar bandar juga.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk mengadakan segala peraturan supaya ibu bapa sedar, jadi Yang Berhormat tadi menyebutkan mungkin disebabkan ibu bapa yang bergaduh ataupun ada masalah. Perkara ini memang sentiasa disebut oleh kerajaan melalui pihak-pihak lebih-lebih lagi Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sendiri dan lain-lain menteri pun selalu menyentuh berkenaan dengan keluarga, kalau keluarga kita aman, sentiasa berdamai dan bersama-sama bekerja, tidak bergaduh tentu masalah gadis-gadis melarikan diri ini tidak akan terjadi. Perkara ini memang selalu terjadi, tetapi apa yang berlaku pada masa ini, oleh kerana negara kita telah pesat membangun, tentu sedikit-sebanyak ada terdapat perkara yang tidak diingini berlaku dalam negara kita. Oleh itu, tentulah kita berfikir, jikalau kita semua sedar dari peringkat bandar ataupun di luar bandar berkenaan perkara ini tentu perkara ini dapat dikurangkan. Kita tidak dapat memberhentikannya sama sekali perkara ini,

tetapi kalau semua rakyat berfikir supaya kita dapat menjaga anak agar tidak berlaku banyak perceraian, tentu perkara ini dapat dikurangkan. Jadi, itulah sahaja yang saya dapat jelaskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Billy Abit Joo:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada lain sedikit. Saya ingin tahu sama ada kementerian mempunyai unit khas untuk mengendalikan masalah berkaitan dengan pekerja-pekerja gadis kilang, khasnya ramai yang berasal dari Sarawak supaya mereka tidak terjebak dalam kegiatan yang tidak sihat, lebih-lebih lagi jika mereka ada masalah dengan majikan dan berhenti kerja - ini termasuk dalam perpaduan negara juga.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa yang saya sebutkan tadi ialah Jawatankuasa Pelindung memang ada di seluruh negara, iaitu:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
Johor	- 8
Kedah	- 11
Kelantan	- 8
Melaka	- 3
Negeri Sembilan	- 7
Pahang	- 9
Perak	- 11
Perlis	- 1

Pulau Pinang	-	5
Selangor	-	9
Terengganu Wilayah Persekutuan	-	1
Kuala Lumpur -	1	
Wilayah Persekutuan Labuan	-	1
Sabah	-	9
Sarawak	-	6

Jawatankuasa ini memang ada terdapat di tiap-tiap daerah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak hadir]*

**BAHAGIAN HAL EHWAL KHAS JABATAN PENERANGAN  
MALAYSIA - CADANGAN MENAMBAH/MENGASINGKAN  
PERUNTUKAN**

9. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan Malaysia adalah salah satu unit penting untuk komunikasi bersemuka, adakah kementerian sedar bahawa banyak kesulitan tugas-tugas Bahagian Hal Ehwal dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kerana kekurangan peruntukan, memandangkan bahagian ini amat penting, adakah kementerian menambah peruntukan atau mengasingkan peruntukan serta aktiviti dari Jabatan Penerangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd.**

**Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan

Bahagian Khas, Jabatan Perkhidmatan Penerangan adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan pada setiap tahun. Oleh sebab Bahagian Khas merupakan salah satu bahagian di Jabatan Perkhidmatan Penerangan, maka peruntukannya tidak harus diasingkan daripada peruntukan kewangan jabatan tersebut. Tambahan pula setiap bahagian yang terdapat sama ada di bawah kementerian ini mahupun di bawah jabatan-jabatannya, adalah sama penting dalam menjalankan peranan dan fungsi masing-masing kerana bahagian-bahagian itu adalah menuju ke arah matlamat yang sama. Namun begitu, kerajaan akan sentiasa bersedia untuk mengatasi sebarang masalah serta mengkaji keberkesanan fungsi bahagian khas berkenaan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, oleh kerana rakan-rakan di dalam Bahagian Khas Jabatan Penerangan ini memainkan peranan yang cukup penting, jadi adakah kategori gaji mereka akan dikaji semula dan jumlah kakitangan ditambah serta jawatan penyelia di peringkat daerah dan negeri akan diberikan peranan yang lebih penting lagi.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Rakan saya Yang Berhormat dari Bagan Datuk tadi mengemukakan pandangan dan cadangan yang cukup baik. Seperti yang saya jelaskan tadi kementerian sentiasa akan mengkaji

tentang keberkesanan termasuklah sama ada dari segi gajinya, tanggungjawabnya akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kepada kawan saya dari Semporna.....

**Beberapa Ahli:** *[Menggangu]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya fikir mereka kena tengok Peraturan Mesyuarat 41(e), Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Minta bertenang ya! Beri dia peluang.

**Seorang Ahli:** Apa soalan itu! *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tunggu dulu! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, antara lain fungsi Kementerian Penerangan ialah bukan sahaja menerangkan dasar kerajaan kepada rakyat jelata di seluruh negara, tetapi juga memberi maklumat kepada rakyat tentang faedah-faedah ataupun bantuan-bantuan yang boleh diperolehi oleh rakyat dari jabatan-jabatan ataupun kementerian-kementerian khususnya mereka yang tinggal di luar bandar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah rancangan kementerian beliau untuk menyebarkan maklumat

mengenai bantuan-bantuan atau cara-cara memohon pelbagai bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat di seluruh negara.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kementerian mempunyai satu rancangan yang begitu teratur di dalam bukan hanya untuk menyampaikan pelbagai maklumat kepada masyarakat, bukan hanya di luar bandar bahkan di dalam bandar. Di samping itu kerajaan menerusi kementerian telah mewujudkan satu konsep iaitu K3P (Penonton, Pendengar, Pembaca), di mana sebahagian daripada tanggungjawab perancangan ini ialah untuk bukan hanya hendak menyebarkan maklumat kepada rakyat di peringkat luar bandar tentang kemudahan-kemudahan yang ada, tetapi kita juga berhasrat agar rakyat di luar bandar akan dapat menikmati kepesatan pembangunan ekonomi yang ada. Maka menerusi K3P kita cuba untuk membantu agensi-agensi sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri dengan membantu untuk mengedarkan berbagai-bagai maklumat serta peruntukan kemudahan-kemudahan yang dapat diperolehi oleh agensi-agensi sama ada persekutuan mahupun negeri.

#### **PERLIS SEBAGAI KAWASAN PERINDUSTRIAN - PLAN INDUK & STRUKTUR**

10. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pandangan kerajaan jika negeri Perlis keseluruhannya dijadikan kawasan perindustrian menjelang tahun 2020. Apakah Plan Induk dan Plan Struktur boleh dipinda dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan keadaan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan pembangunan bagi negeri Perlis sehingga tahun 2005 adalah berpandukan kepada rancangan struktur yang telah sedia ada. Dalam rancangan struktur ini kawasan perindustrian telah dicadang dibangunkan di kawasan yang sesuai dan telah dikenal pasti sebagai kawasan perindustrian.

Pelan Induk dan Pelan Struktur boleh diubah dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan keadaan atau keperluan perancangan dan pembangunan yang berubah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada kementerian telah memberi arahan kepada semua majlis perbandaran di Malaysia supaya mereka mengkaji semula atau mengubahsuaikan pelan struktur untuk mencerminkan hasrat atau matlamat Wawasan 2020.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua cara untuk memindah atau mengkaji semula pelan struktur iaitu satu permohonan daripada pihak berkuasa tempatan dan cadangan itu perlulah dihantarkan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di negeri atau di Persekutuan.

Cara yang kedua, ialah melalui Jawatankuasa Perancangan Negeri di mana sesuatu permohonan atau kehendak untuk pelan itu dikaji semula, boleh ditujukan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam mengkaji Pelan Struktur bagi tahun 2020 yang akan datang, memandangkan negeri Perlis ini sebuah negeri yang kecil .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Wakil Rakyat Parlimen dan Negeri hanya berapa orang sahaja.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Dua orang sahaja!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kecil! Hasil pun tak banyak.

**Seorang Ahli Barisan Nasional:** Hendak tukar kawasan ya?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah tidak ada rencana pihak kerajaan untuk menggabungkan negeri Perlis ini dengan negeri lain. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat hendak jawabkah?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, tidak ada soalan.

**SISA TOKSID - PENYEDIAAN TEMPAT PELUPUSAN  
OLEH INDUSTRI**

11. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah setiap perusahaan kecil, besar atau sebarang industri diwajibkan menyediakan tempat pelupusan sisa toksid sendiri dengan sekali kementeriannya sebelum permohonan mereka untuk menjalankan urusan perusahaan diluluskan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [ Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua perusahaan sama ada kecil atau besar perlu menunjukkan bukti atau perancangan yang sempurna dalam menguruskan buangan mereka sama ada di dalam atau di luar tapak kilang sebelum sebarang permohonan dapat diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk membantu industri-industri sederhana dan kecil dalam pelupusan sisa toksid khususnya dari segi bantuan teknikal dan memperuntukkan tapak.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian boleh memberi nasihat kepada mereka yang ingin membuang sisa-sisa toksid apabila mereka ingin membuka kilang mereka. Buat masa ini kilang sisa toksid sedang dibina di Bukit Nenas, di sebuah kawasan yang besar kerana tidak ada negeri-negeri pada masa ini yang mempunyai kawasan khusus tempat pembuangan sisa toksid yang merbahaya ini. Buat masa ini perkara ini sedang diuruskan oleh pihak negeri apabila nasihat itu diminta.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah suatu cara tindakan yang pernah diambil oleh pihak yang berkenaan kepada mana-mana pihak yang membuang sisa toksid secara menyalahi undang-undang dan apakah hukuman yang dikenakan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada di antara mereka yang membuang sisa toksid dan ada laporan, maka sisa-sisa toksid ini akan diambil oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, ianya mesti dianalisa dahulu, sekiranya didapati ada mengandungi unsur-unsur bahawa ianya adalah daripada elemen dan benda yang membahayakan, maka ianya akan dihadapkan ke mahkamah mengikut peraturan-peraturan yang ada.

#### **PEMANCAR DAN ANTENA DI ATAS BANGUNAN - SIASATAN TERHADAP SYARIKAT TELEFON SELULAR**

12. **Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah siasatan terhadap syarikat telefon selular yang membina menara pemancar atau memasang antena di atas bangunan dan di kawasan tertentu di negara ini sudah selesai. Jika ya, sila butirkan kesan sampingan akibat pendedahan gelombang pemancar dalam jangka panjang; dan
- (b) untuk memastikan keselamatan orang ramai pada masa akan datang terjamin, apakah tindakan serta hukuman yang dikenakan kepada orang yang terlibat dengan perbuatan tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan awal telah pun selesai dijalankan. Hasil daripada siasatan tersebut didapati tiada apa-apa kesan sampingan yang boleh merosakkan kesihatan orang ramai.
- (b) Untuk memastikan keselamatan orang ramai terjamin, kementerian sentiasa mengawasi pemasangan menara pemancar tersebut dan memastikan kuasa pancarannya mengikut spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Telekom Malaysia berdasarkan standard antarabangsa.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini terdapat syarikat-syarikat telefon selular ini yang membina menara pemancar mereka di atas tanah-tanah pertanian. Jadi, adakah pihak kementerian sedar perkara ini ataupun perkara ini dibolehkan tanpa pihak syarikat telefon ini memohon kepada pihak berkuasa terlebih dahulu untuk menukar syarat tanah pertanian kepada tanah perdagangan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, struktur pembinaan sesebuah menara pemancar ini adalah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Pihak kementerian cuma memberikan kelulusan dari segi operasinya. Kalau sekiranya sesebuah stesen ini di mana maksimum transmit power, dengan izin, ia adalah di bawah had ataupun tidak melebihi had yang dibenarkan oleh pihak

kementerian, kita akan memberikan kelulusan. Tetapi, sekarang ini oleh kerana banyak masalah telah pun ditimbulkan oleh pihak syarikat yang ada telah membina menara tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan, pihak kementerian akan menasihatkan kepada pihak syarikat supaya mendapatkan kelulusan dari pihak berkenaan ataupun pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu.

Kalau sekiranya mereka yang membina tanpa kelulusan dari pihak berkuasa tempatan, pihak kementerian tidak akan memberikan kelulusan untuk menjalankan operasi mereka.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini, berapakah permohonan untuk mengadakan menara pemancar yang telah pun diluluskan oleh kementerian Yang Berhormat dan bilangan kes yang telah diambil tindakan oleh kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka yang tepat kepada Ahli Yang Berhormat tetapi lebih kurang 2,000 lesen telah pun diluluskan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menjalankan operasi radiobase station ataupun biasanya dipanggil menara pemancar di mana kebanyakannya adalah terletak di Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor Bahru dan di Pulau Pinang. Sepertimana yang saya katakan tadi, kedua-dua pihak boleh mengambil tindakan terhadap syarikat yang membina menara ini, yang pertamanya ialah pihak berkuasa tempatan. Setakat

ini pihak berkuasa tempatan telah pun mengambil tindakan kepada beberapa syarikat yang telah membina menara tersebut tanpa kelulusan dengan memberi perintah supaya merobohkan menara tersebut ataupun dikenakan kompaun kepada mereka yang berkenaan.

Kementerian saya setakat ini belum mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat kerana kita mengadakan kawalan yang ketat sekali mengenai had transmit tower yang dikenakan.

Setakat ini belum didapati satu menara pun yang telah di mana hadnya telah melebihi had yang dibenarkan oleh pihak kementerian.

#### **HAKMILIK STRATA - MASALAH KELEWATAN PENGELUARAN**

13. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada kerajaan bercadang memudahkan prosedur untuk mengatasi masalah pengeluaran suratan hakmilik strata kepada pemilik bangunan bertingkat khususnya kes-kes yang lebih dari 10 tahun yang masih belum diselesaikan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memang sedar bahawa terdapat bangunan-bangunan bertingkat yang telah lama diduduki tetapi belum dipecah bahagi dan hakmilik strata dikeluarkan. Dalam hubungan ini, sebab-sebab yang telah dikenal pasti termasuklah bangunan tersebut tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan, seperti tanah hendaklah dipegang di bawah hakmilik tetap atau 'final title', bangunan telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki Penuh atau 'Full Certificate of Fitness' dan bangunan hendaklah terletak dalam lingkungan lot.

Terdapat juga bangunan yang layak dipecah bahagi, tetapi permohonan untuk hakmilik strata tidak dibuat. Pihak kerajaan sentiasa peka akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan berusaha untuk mencari penyelesaian. Kelonggaran Akta Hakmilik Strata telah dicadangkan bagi membolehkan permohonan dikemukakan walaupun tanah masih dipegang di bawah hakmilik sementara

atau Sijil Layak Menduduki Penuh belum diperolehi. Rang undang-undang pindaan telah dibacakan bagi kali pertama di sesi Parlimen yang lepas dan akan dibaca bagi kali kedua dan ketiga di sesi ini.

Bagi kes-kes bermasalah yang mana pelan bangunan telah hilang, pihak pemaju boleh menguruskan supaya pelan dilukis semula dan perakuan pihak berkuasa tempatan diperolehi sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 10(6)(a). Jika bangunan terkeluar dari lingkungan lot, pihak pemaju perlulah mencari penyelesaian. Misalnya pemohon supaya tanah yang dicerobohi oleh bahagian bangunan yang terleluar itu diberi milik untuk dicantumkan dengan lot asal.

Bagi kes tuan tanah atau pemaju tidak dapat dikesan lagi, pembeli-pembeli tetap boleh memohon perintah mahkamah supaya tanah tersebut diletakhakkan atas nama mereka sebagai tuan punya bersama bagi membolehkan permohonan dibuat untuk hak milik strata.

Dalam kes bangunan layak dipecah bahagi, tetapi pemaju gagal memohon hakmilik strata, Pejabat Tanah boleh mendakwa pemaju tersebut kerana melanggar seksyen 8, Akta Hakmilik Strata. Penalties adalah denda tidak melebihi RM5,000 jika disabit dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari pelanggaran itu berterusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 14 hingga 51 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]*

## USUL

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

#### Indeks Rasuah Antarabangsa Transparent International

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusulkan berikut:

“Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang, merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai indeks rasuah antarabangsa badan Transparent International (TI) yang meletakkan Malaysia di tempat ke-23 dalam senarai 41 negara atas sebab-sebab berikut:

Pertama, kedudukan Malaysia di tempat ke-23 dalam indeks rasuah Transparent International tidak memberikan gambaran yang baik mengenai rekod anti-rasuah Malaysia, di mana kita mendapat markah 5.28 dari markah penuh '10' sementara markah '0' merujuk kepada sesebuah negara yang telah diserapi oleh rasuah secara total yang melibatkan jumlah wang sogokan, pemerasan, penipuan dan lain-lain yang besar, dan Malaysia bukan sahaja disenaraikan di belakang negara yang berkedudukan depan, iaitu New Zealand, yang menduduki tempat pertama dengan markah 9.55, Denmark (9.32), Singapura (9.26), Finland (9.12), tetapi juga tertinggal di belakang negara- seperti Kanada dan Sweden (8.87), Australia (8.87), Switzerland (8.76), Netherlands (8.69), Norway (8.61), Ireland dan United Kingdom (8.57), Germany (8.14), Chile (7.94) dan Amerika Syarikat (7.79), malah tertinggal juga di belakang Hong Kong (7.12) dan Jepun (6.72).

Kedua, Malaysia tidak dapat berbangga dengan hakikat bahawa kita terletak di tempat yang lebih bersih dan kurang korup dari Taiwan (5.08), Spanyol (4.35), Korea (4.29), Greek (4.04), Columbia (3.44), Mexico (3.18), Italy (2.99), Thailand (2.79), India (2.78), Filipina (2.77), Brazil (2.70), Venezuela (2.66), Pakistan (2.25), China (2.16) dan Indoensai (1.94); sementara kerja-kerja pembangunan negara kita adalah berlandaskan prinsip-prinsip mencipta sebuah masyarakat yang lebih bermoral dan beretika, di mana rakyatnya kuat dalam nilai-nilai agama dan rohaniah, serta berpegang dengan piawai etika yang paling tinggi, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Wawasan 2020.

Ketiga, Parlimen harus mengadakan satu perbahasan khas mengenai indeks rasuah badan Transparent International yang berpusat di Berlin yang meletakkan Malaysia di tempat ke-23 dalam senarai 41 negara untuk menunjukkan keprihatinan ahli-ahli Parlimen Malaysia mengenai isu penting berkaitan dengan rasuah di negara ini, serta menunjukkan bahawa Parlimen adalah berdiri di baris depan menentang rasuah;

Keempat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan dua respons terhadap hakikat Malaysia diletakkan di tempat 23 dalam indeks rasuah Transparent International ini, iaitu bahawa negara-negara Eropah adalah lebih korup dari negara-negara lain dan ini dapat dilihat dari laporan-laporan mengenai ramai menteri di rantau tersebut yang terlibat dalam rasuah, dan

bahawa sekiranya kumpulan pemerhati yang sama jenis ditubuhkan di Malaysia, ia akan mendapati bahawa negara-negara di rantau Eropah adalah yang paling korup.

Kedua-dua respons dari Perdana Menteri ini harus dijadikan tajuk siasatan teliti perbahasan Parlimen yang berkaitan dengan indeks rasuah antarabangsa Transparent International mengenai Malaysia ini yang tidak harus diketepikan begitu sahaja kerana dunia kini bagaikan sebuah perkampungan global dan Malaysia tidak boleh berlagak bagai 'katak di bawah tempurung' dan tidak mempedulikan pendapat antarabangsa.

Kelima, sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah betul bila beliau mengatakan bahawa satu kumpulan pemerhati mengenai rasuah di Malaysia akan mendapati bahawa negara-negara di Eropah adalah yang lebih korup, maka Parlimen harus menggesa kerajaan supaya menyokong dan meluluskan penubuhan satu cawangan kebangsaan Transparent International di Malaysia bukan sahaja dengan tujuan menonjolkan insiden-insiden rasuah di Eropah, malah juga bertujuan untuk membendung rasuah di negara kita sendiri.

Parlimen mesti mendapat jaminan dari kerajaan bahawa ia membenarkan pendaftaran dan memberi sokongan kepada cawangan Transparent International sebegini ditubuh di Malaysia dan tidak akan mengikuti contoh sesetengah kerajaan yang memburu dan menganiayai rakyat mereka yang cuba menubuhkan cawangan Transparent International kebangsaan.

Keenam, kempen anti-rasuah di tempat-tempat politik dan awam tinggi di Malaysia telah tidak berhasil dan Badan Pencegah Rasuah juga telah kehilangan kredibiliti mereka, kini dikenali sebagai BPR yang hanya berupaya mengambil tindakan terhadap 'ikan bilis' dan bukannya 'ikan yu'. Parlimen mesti meminta supaya insiden perletakkan Malaysia di tempat ke-23 dalam

indeks rasuah antarabangsa oleh TI ini digunakan untuk menyedarkan semula satu perang anti-rasuah di tempat-tempat politik dan awam tinggi di Malaysia, khasnya memandangkan rasuah telah menjadi paling serius dan berleluasa di sepanjang sejarah Malaysia. Ia bukan sahaja dapat dilihat dari perebakan rasuah di semua sektor masyarakat, seperti di dalam skandal kewangan PERWAJA kali yang kedua, pembahagian perumahan kos rendah, politik wang di dalam UMNO sendiri yang dibongkarkan oleh Ketua Pemuda UMNO, Tan Sri Rahim Tamby Chik, malah rasuah telah merebak ke kawasan yang selama ini tidak pernah tersangkut dengan dakwaan rasuah, iaitu Badan Kehakiman sebagaimana yang dibongkarkan oleh Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah berkenaan dengan surat layang 33 mukasurat terhadap Badan Kehakiman.

Ketujuh, masa sudah tiba untuk mengadakan satu perbahasan kebangsaan yang sepatutnya dimulakan oleh Parlimen dengan mengambil kesempatan peristiwa indeks rasuah antarabangsa (TI) ini untuk meminta satu kajian semula dasar anti-rasuah, undang-undang dan cara-cara memastikan bahawa perang terhadap rasuah di Malaysia ini adalah dipandang secara serius, misalnya dengan menaikkan taraf BPR menjadi sebuah badan berautonomi yang bertanggungjawab terhadap Parlimen dan bukan terhadap Jabatan Perdana Menteri dan kelulusan perundangan anti-rasuah yang baru untuk memberikan kuasa tambahan kepada BPR dalam membuat keputusan akhir mengenai

persoalan sama ada mahu mengambil tindakan mendakwa serta sama ada perlu menambahkan penalti untuk kesalahan-kesalahan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) oleh Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 15hb April, 1996, jam 11.25 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat. Syarat yang pertama ialah perkara itu tertentu, syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa walaupun perkara ini adalah untuk kepentingan orang ramai tetapi perkara ini bukanlah boleh dikatakan yang tertentu. Sungguhpun rasuah adalah perkara yang tertentu tetapi soal yang dipertikaikan di dalam Usul ini ialah angka markah RM5.28 itu. Angka ini bukanlah perkara yang tertentu dan kita tidak boleh tahu tentang kebenarannya, kita tidak tahu bagaimana angka ini diperolehi dan siapakah badan Transparent International itu dan apa kuasanya membuat nilaiannya dan berbagai-bagai soalan lagi.

Perkara ini juga bukanlah perkara yang patut disegerakan. Jika hendak diperbincangkan pun perbincangan ini akan meliputi soal rasuah dan perkara ini boleh dibincangkan pada bila-bila masa sahaja dan tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini [*Tepuk*].

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (SYARIKAT PENGGANTI) 1995**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [*15hb April, 1996*]

##### **Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat dari Kepong, sila teruskan ucapan.

**3.45 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mencadangkan supaya diwujudkan satu badan kawal selia sama ada di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun di Kementerian Kewangan untuk mengawasi dan mengawal-seliakan semua aktiviti UDA.

Tuan Yang di-Pertua, badan seumpama ini telah pun diwujudkan untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), untuk Telekom Malaysia yang lebih besar daripada UDA apabila dikorporatkan kelak. Mereka terpaksa merujuk kepada badan kawal selia ini di dalam kementerian-kementerian tertentu untuk menaikkan tarif untuk kegiatan yang boleh menjejaskan orang awam. Begitu juga bagi UDA, adalah peri mustahaknya kita mempunyai kawalan yang ketat, bukan setakat untuk menjejaskan kegiatan UDA bahkan untuk mengawal-selia supaya tidak berlaku pembaziran dan pemborosan.

Walaupun Rompin tidak berminat, tetapi biarlah. Di Rompin pun pembalakan haram masih berlaku. Di dalam usaha kita supaya UDA mencapai matlamat-matlamat dan objektif-objektif yang telah pun termaktub di dalam akta asalnya, kita mesti mengetahui bagaimana, misalnya, produk yang disediakan dapat diagihkan dan dapat dijual, misalnya terdapat 1,576 unit kediaman yang berbagai jenis dengan kos sebanyak lebih RM151 juta disediakan dan dari jumlah tersebut bagaimana pihak UDA dapat menjual atau menyewa unit-unit yang disediakan itu. Ini memang memerlukan kawalan yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya mencadangkan supaya pihak UDA apabila dikorporatkan kelak, selain daripada tidak menyimpang daripada objektif-objektif yang ditetapkan, mengambil lebih berat mengenai

masalah latihan dan latihan semula kakitangan dan mungkin UDA boleh mewujudkan kolej sendiri untuk maksud ini, kerana saya nampak TNB pun hendak mengadakan universiti sendiri, Telekom Sdn. Bhd pun hendak mengadakan universiti sendiri dan saya berharap universiti-universiti ini akan bertaraf antarabangsa dengan kualiti bertaraf dunia dan begitu juga kalau UDA boleh menggunakan banyak land bank (bank tanah) yang berharga lebih RM1.2 bilion ini dan juga banyak kemudahan untuk mewujudkan kolej yang bermutu tinggi untuk melatih bukan sahaja kakitangan sendiri bahkan juga orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam UDA terdapat kira-kira 664 orang dan saya berharap Yang Berhormat boleh menerangkan bagaimana pihak UDA Holdings Sdn Bhd dapat menguruskan dan dapat menempatkan kakitangan yang sedia ada dan adakah mereka akan diberi peluang untuk meneruskan jawatan di dalam UDA ataupun akan diberi pampasan untuk dipindahkan ke jawatan yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya penyusunan semula sebagai UDA Holdings, saya percaya memang banyak perubahan yang perlu dibuat dan semua kegiatan dikemaskinikan dan dengan demikian memang ada sesetengah kakitangan yang tidak dapat diteruskan lagi kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah penyelenggaraan, saya dari masa ke semasa pun ada pergi ke kompleks-kompleks seperti Bukit Bintang Plaza, Pertama dan sebagainya. Memang pada zahirnya cantik belaka tetapi ada setengah-setengah tempat itu, penyelenggaraannya kurang sedikit. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menyiasat keberkesanan ataupun tahap penyelenggaraan bangunan-bangunan UDA sama ada setaraf dengan bangunan-bangunan yang dimiliki orang lain. Ini juga perlu dibuat.

Dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan pelbagai unit-unit bangunan yang disediakan itu peratusan yang telah dijual dan peratusan yang belum dijual ataupun disewa sebab saya dapati di dalam laporan yang begitu cantiknya tidak ada disebutkan prestasi mengenai unit-unit yang disediakan itu.

Dengan itu sahajalah kerana kita ada banyak lagi hendak dibincangkan terutamanya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang menggunakan wang yang begitu banyak. Saya akan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin.

**3.53 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ini kerana dicabar oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kalau tidak nanti, dia kata saya tidak menyelesaikan tugas saya. Dia cuba membayangkan, yang bekerja kuat hanya dia sahaja dan tidak ada orang lain. Itu yang dia ada masalah sedikit dalam DAP tu. Dia kata dia kerja lebih kuat daripada Ketua Pembangkang!

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong perbahasan Akta kita pada petang yang mulia ini iaitu Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti). Saya turut mengucapkan syabas kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri. Nampaknya beliau dan kementerian nampak satu hala cara baru dengan adanya penubuhan kementerian baru ini khususnya untuk pembangunan usahawan bumiputera.

Saya mengucapkan syabas di atas usaha-usaha yang kita nampak itu yang kadang-kadang kita lihat merupakan kosmetik, perubahan-perubahan pada kulit sahaja tetapi pada hari ini kita nampak satu pendekatan yang struktural, satu pendekatan yang membawa perubahan dari segi misi, strategi, dan approachnya sekali. Saya nampak usaha ini dan kita mengucapkan syabas. Dan ini amat sesuai sekali dalam kita berhadapan dengan cabaran-cabaran pada dekad yang akan datang dan tidak lama lagi di dalam Dewan yang mulia ini Perdana Menteri kita sendiri akan membentangkan Rancangan Malaysia Ke-7 dan kita yakin bahawa peranan UDA ini sudah semestinya juga tergolong dan termasuk dalam perancangan Malaysia untuk lima tahun akan datang.

Dalam perkara ini saya hendak bertanya sedikit. Dalam kita mengubah struktural, perubahan structure yang telah dikemukakan kalau dahulunya merupakan badan agensi kerajaan hendak dijadikan swasta, bagaimana dengan objektifnya? Adakah bila kita merubah saya tengok dari segi akta undang-undang ini tidak diperuntukkan kepada jenis kod - dalam Bahagian I Permulaan, Bahagian II

Peletakhakan harta, Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun, saya tidak tahu boleh baca atau tidak. Dan Bahagian III tentang Peruntukan-peruntukan Perhubungan dengan Kakitangan.

Adakah bermakna UDA untuk masa akan datang sebagai satu badan swasta, satu badan syarikat komersial? Adakah ia melimitkan, dengan izin, menumpukan perhatian dia kepada sektor yang dahulu, bermakna hartanah, adakah lebih mirip kepada menggunakan vehicle ini kepada pembangunan bumiputera di kawasan bandar lebih menyeluruh iaitu meliputi industri, latihan, yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu betul dari segi pendidikan HRD. Betullah.. Kepong ini saya risau. Banyak benda-benda dia kadang-kadang macam Semangat 46 bercakap ataupun PAS dari segi unsur-unsur pembangunan bumiputera ini. Syabas kepada beliau. Saya berani cakap begitu sebab Ketua Pembangkang dia tidak ada, kalau dia ada, saya risau juga. *[Ketawa]*

Bagaimana dengan scenario yang akan datang ini? Adakah UDA hanya menumpukan kepada spesifik hartanah seperti yang dahulu sejak ditubuhkan ataupun membuka satu jendela yang baru ke hadapan kepada dekad 21? Penumpuannya hartanah adalah salah satu misinya sahaja, salah satu objektifnya sahaja, tetapi tertumpu kepada misi yang lebih besar iaitu penyertaan bumiputera dalam aktiviti pembangunan ekonomi dalam bandar.

Saya lihat bahawa UDA, sebab kita ada badan-badan, kalau MARA selalunya kita mengatakan bahawa bila kita mengaitkan dengan MARA terus terfikir dalam pemikiran kita tertumpu kepada pembangunan bumiputera di luar bandar, tetapi dengan structure change di negara kita, kalau dahulunya dalam bandar boleh dikatakan isunya bukan isu bumiputera tetapi masalah bandar sudah menjadi masalah bumiputera dan masalah bumiputera di dalam bandar bukan hanya masalah untuk mendapatkan rumah tempat tinggal, tempat dia handak menyewa. Saya rasa lebih daripada itu. Lebih menyeluruh daripada itu.

Saranan saya ialah bahawa bila ada perubahan baru struktur ini bukan hanya sekadar hanya haluannya sama tetapi menukar perahu vehicle sahaja tetapi arah ke hadapan juga mesti diubah. Bukan sahaja dahulu diibaratkan kita menggunakan perahu berdayung dengan tangan sendiri, digantikan dengan mesin motor sangkut, lebih laju tetapi ke arah yang sama. Saya minta supaya UDA kalau boleh, kalau MARA dan badan-badan lain menumpu kepada pembangunan bumiputera di luar bandar dan mahulah UDA di masa depan ini kerana UDA mesti melihat permasalahan bumiputera dalam bandar

seluruhnya, in total, dengan izin. Dari segi industrinya, dari segi pendidikan, tempat tinggal dan lain-lain lagi khusus kepada peranan bumiputera dalam bandar, penyelesaian rumah setinggannya mengapa tidak menjadi agenda UDA?

Saya minta sedikit penjelasan. Saya mahu melihat kalau boleh dengan rupa bentuk UDA baru ini, ia juga melihat kepada misi yang lebih besar, bukan sahaja agenda hartanah bagi bumiputera dalam bandar, tetapi biarlah juga merupakan agenda bumiputera seluruhnya di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat melihat *Hansard* ucapan Tuan Haji Mohamad bin Sabu. Sebab baru-baru ini dia buat lawatan ke kawasan saya, jadi saya hendak beri hormat kepada dia sedikit, hendak sentuh sedikit ucapan dia.

Saya tak berpeluang akan datang. Saya kalau diberitahu awal-awal, saya hendak juga jemput makan-makan nasi, orang kata - makan nasi bungkus di Pantai Damai itu bolehlah, hendak minta sepanduk pun boleh juga. Saya nampak bahawa PAS ini sudah menjadi macam UMNO, nampaknya semua agendanya ke arah agenda kebangsaan. Kalau dahulu, kalau UMNO menyentuh tentang Melayu ini, dia kata kita asabiah. Terima kasih.

Tetapi sekarang, dalam teks ini tidak ada benda lain. Saya hendak tarik sedikit, terus dia masuk,

“Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kerajaan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional tidak ada komitmen lagi untuk memperjuangkan hak bumiputera”.

Intro, terus asabia. Kalau kita kata macam itu, “oh, itu asabiah!” Kalau dia, satu *Hansard* bercakap hal ini. Saya nampak dan saya ucapkan

syabas kepada kementerian. Teruskan agenda ini dan marilah masuk UMNO, ikut Tengku Razaleigh.

Saya berkata begitu yang sebenarnya, PAS mungkin sudah tidak ada lagi pulangan. PAS, dengan agenda, cara pendekatannya memutarbelitkan Islam, tidak dapat meyakinkan lagi majoriti orang Melayu, tidak mencukupi bagi mereka. Sebab itu dahulu, dia pujuk Semangat 46 untuk bersama dengan dia. Oleh kerana itu, kalau Semangat 46 sudah tidak ada dengan beliau, dia hendak ambil agenda Semangat 46 itu.

Bila dia ambil agenda Semangat 46, dia kata, “aku tak perlu lagi Semangat 46”.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tumpat bangun, Yang Berhormat.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Saya bercakap dengan Kubang Kerian sebab saya.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, di luar tajuk, itu. *[Ketawa]*

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Bila dia panas sedikit, dia terus kata di luar tajuk itu. Ini yang sebenarnya. Cuma ulasan dia bercakap di kawasan saya, di Pantai Damai, hendak ulas sedikit sahaja, tidak berapa banyak. Sedikit sahaja. Selepas itu saya terus balik kepada isi saya.

Kita tidak menolak orang Melayu, UMNO pada awal lagi, dari segi agenda Melayu itu, kita tetap. Sebab itu kita ada sokongan orang Melayu, majoriti. Kita tetap. Sebab Semangat 46, dia tetap juga dengan agenda Melayunya, kita sokong. Sebab itu kita jemput dia kembali dengan kita. Kita bersama, tak jadi masalah.

Pokoknya, PAS ini, kalau dahulu dia kata kita asabiah, kalau kita memperjuangkan Melayu, ini sudah macam ucapan Exco Pemuda ataupun pemimpin UMNO di dalam *Hansard*. *Hansard* muka surat 35, kalau kita print balik dalam surat khabar, tanya siapa beri ucapan, mungkin mereka kata pemimpin UMNO.

Yang sebenarnya, UMNO tetap dengan agenda kita, Melayu, tetap. Survival UMNO bergantung kepada masa depan orang Malayu. Kita tidak menolak. Janganlah PAS hendak cuba menangguk di air yang keruh mengatakan kita meninggalkan agenda Malayu atau agenda bumiputera, itu tidak benar. Hanya pendekatan kita berbeza sahaja. Betul Yang Berhormat Menteri? Kita ubah cara kita, tetapi komitmen kita untuk membela orang Melayu tetap.

Kalau tidak nanti, Yang Berhormat Menteri mahu bertanding MKT, teruk dia! Betul Yang Berhormat Menteri? Ya, dia tahu dia akan bertanding MKT, kita tetap, perjuangan kita bergantung kepada sokongan mereka, kita tidak menolak tabiat cuba menangguk di air yang keruh. Inilah PAS ini! 46

sudah tidak lagi. Kalau tidak percaya, tengok ucapan dia nanti. Mungkin dia tidak bersetuju dengan PAS sedikit. Yang paling aneh sekali, Kepong pun sokong dia sekarang. Saya tetap berani hendak kata PAS, tak berani hendak kata DAP menyokong. Kepong tetap, saya bersetuju.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mengucapkan syabas, on record, dengan satu penghayatan oleh Kepong, bersetuju dengan imbalan mahu melihat dalam bandar keseimbangan pembangunan Melayu, bumiputera dan orang bukan bumiputera. Saya mengucapkan syabas kepada Kepong, betul. Saya melihat satu kematangan walaupun kita semua selalu bergurau dengan Kepong, ini saya ingat satu kematangan di kalangan kepimpinan DAP.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kempen MKT telah masuk ke dalam Parlimen. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Rompin. UMNO begitu komit untuk memperjuangkan hak-hak Melayu.

Saya ingin bertanya, kenapa peruntukan kepada MARA dikurangkan sedangkan MARA tidak ada lain, membantu bumiputera. Tetapi kenapa

peruntukan kepada bumiputera dikurangkan? Sebab dikurangkan kepada MARA ertinya kurang kepada bumiputera.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih.

Itu pun saya dengar sedikit di Pantai Damai, kawasan saya. Tidak. Yang pentingnya ialah manfaat. Sebagai contoh, Yang Berhormat, kalau kita menghantar seorang yang mengambil Ijazah ke luar negeri dengan kos RM500,000 mahalnye - hantar Ijazah Kedoktoran misalnya. Tetapi kalau kita hantar di universiti tempatan, hanya tahun akhir sahaja kita pergi hantar ke luar negeri, tidak sampai RM100,000.

Dengan pendekatan yang baru, kita tidak menghantar dia daripada tahun pertama sampai dia selesai Ijazah Kedoktoran (Medical) setengah juta ringgit, tetapi kita hantar ke universiti tempatan dahulu, habis di luar negeri hanya RM100,000. Dengan cara yang sekarang ini, setengah juta boleh menghantar lima orang untuk mendapat Ijazah, Yang Berhormat.

Walaupun jumlahnya, kalau dahulu kita hantar RM500,000 seorang, tetapi sekarang, RM100,000, kita hantar seorang di mana kosnya lebih efektif, hanya pendekatannya berbeza. Tetapi nawaitunya tetap dan sama. Tetapi pembacaan orang-orang PAS sahaja yang berbeza. Itu yang sebenarnya. Dia tidak hendak tengok benda yang betul.

Begitu juga MARA, bukan hanya agensi MARA sahaja yang membela orang Melayu atau bumiputera. Banyak agensi lain. PUNB, PKNP, Hicom

yang swasta pun membela bumiputera. Bukan hanya MARA sahaja. Tidak bermakna kalau misalnya dikurangkan peruntukan untuk MARA, peruntukan yang sama diagihkan kepada badan-badan yang lain yang juga membela bumiputera. Mesti melihat kepada jumlah yang lebih besar, bukan bertumpu kepada satu peruntukan badan sahaja.

Saya ingat, selepas ini Yang Berhormat Menteri mungkin beri lebih detail lagi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Berilah! Tuan Yang di-Pertua, dia jawab macam Menteri, baguslah itu, bakal! Kalau ada peluang, sokong yang betul, boleh naik!

Tuan Yang di-Pertua, soalnya....kalau sokong yang tidak betul, habis! Soalnya, setelah tamat Dasar Ekonomi Baru, dahulu 18%. Setelah tamat Dasar Ekonomi Baru, peratus kedudukan bumiputera dalam bidang ekonomi hanya naik 1.5%. Ini bererti bahawa sekarang ini komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera telah berkurangan kerana indeks angka tunjukannya hanya naik 1.5% yang tamat Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1991. Ini bererti bahawa sekarang ini banyak peruntukan kepada bumiputera dikurangkan dan bumiputera dipaksa bersaing dalam keadaan mereka yang belum mampu lagi. Adakah Rompin bersetuju saya hendak beritahu kepada masyarakat Rompin nanti.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bila-bila boleh datang, tak ada masalah. Majoriti saya agak besar juga di Rompin. Yang Berhormat, tidak. Bila kita melihat dari segi rajah peratusnya, kita jangan ambil kira jumlah pemegang saham asing, orang Putih atau orang Jepun. Kalau kita ambil jumlah 100%, memanglah jatuh. Tetapi kalau kita ambil imbangan antara bumiputera dengan bumiputera, kita sudah bertambah baik.

Cuba Yang Berhormat tengok figurenya dengan jelas. Cuba kalau kita lihat dari segi visible penyertaan bumiputera, visibility yang berbeza. Saya hendak bertanya juga, dalam segi DEB, dasar yang baru, kita tidak mengatakan bahawa kita sudah tamat DEB, tidak. Unsur-unsur membela bumiputera masih lagi kekal dalam Rancangan Malaysia yang ada.

Dua yang pertama, kekal. Penyusunan semula, kekal. Membela orang miskin, kekal. Hanya cara pendekatan sahaja yang berbeza, Yang Berhormat. Tidak. Saya yakin.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin. Insya-Allah, MKT, dia menang! *[Ketawa]* Cuma satu, Yang Berhormat dari Rompin, adakah kita orang Melayu masih tidak boleh bersyukur. Hari ini, kita boleh tengok ramai orang Melayu yang berjaya, memiliki kapal terbang, memiliki kilang kereta dan memiliki macam-macam.

Dahulu, dok naik gerak sahaja, naik basikallah, orang kampung kata - naik gerak. Tetapi hari ini, kita tengok di kampung pun, hendak cari orang yang naik basikal pun hak yang balok, yang tinggal buat kerja sahaja! Yang rajin itu, sudah boleh naik motor.

Jadi persoalannya, adakah Yang Berhormat bersetuju ada golongan-golongan bumiputera yang kerajaan beri bantuan sama ada biasiswa dan sebagainya, penuntut-penuntut ini diambilnya biasiswa tetapi dihentaknya kerajaan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju orang-orang yang dapat nikmat yang kerajaan beri ini akhir-akhirnya menghentam balik kerajaan dan ada golongan-golongan tertentu yang menaja mereka ini? Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa mereka ini patut insaf dan bersyukur atas nikmat yang mereka dapat ini? Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya memang bersetuju. Yang sebenarnya pada peringkat awalnya....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biar saya jawab dulu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat dari Yan itu perlu Timbalan Perdana Menteri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak ada.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kerana dia jaguh menentang kerajaan masa di universiti dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, nanti dulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini sudah panas sedikit, tidak sempat tunggu ini. Selalunya dia steady sahaja. Yang Berhormat kurang steady sedikit hari ini. Saya nampak bila datang ke kawasan saya betul-betul juara. Ini kita dapat semuka. Relaks. Relaks.

Anak-anak kita yang pergi semasa dapat biasiswa, dia berterima kasih. Bila sign borang, bapanya datang sebagai guarantor tetapi bila pergi ke luar negeri, geng-geng dialah yang pergi hasut.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak habis lagi Yang Berhormat. Saya akan beri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Timbalan Perdana Menteri penghasut besar semasa kami di universiti dulu suruh menentang kerajaan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak ada. Ini yang sebenarnya. Dia pergi ke sana, kononnya tidak ada rumah, tolong bantu beri rumah. Kononnya Yang Berhormat pergi ke masjid, lepas itu dia kata, "Mari masuk." Apa yang kita buat semuanya tidak betul. Yang Berhormat, marilah kita bersama. Bersama dalam perjuangan membangkitkan negara ini. Semua pihak seperti Yang Berhormat dari Kepong kata. Usahlah cara-cara yang lama. S46 pun sudah hendak bersetuju dengan cara kita. Yang Berhormat dari Kepong pun sudah bersetuju, DAP yang lain itu saya tidak tahulah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Rompin itu tidak ada kerja lain selain dari mengusik orang di Dewan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, semalam pun saya ada terangkan, cara kita bukan cara yang lama, 25 tahun UDA tetapi objektif-objektif tidak dapat dicapai dan sekarang ia hendak naikkan keberkesanan dengan mengkorporatkan. Ini bermakna cara kita, kita mencadangkan supaya kita adakan meritokrasi dan kita adakan keperluan. Cara ini lebih baik daripada cara UMNO yang lama.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia balik semula dengan falsafahnya, meritokrasi dan keperluan. Ini konsep kertas kerja Yang Berhormat dari Kelang semasa MAPEN dulu. Saya teringat konsepnya ada gambar rajah.

Yang sebenarnya kita nampak bahawa konsep yang pentingnya mesti ada kestabilan negara. Kita mesti ada seperti Yang Berhormat kata keseimbangan semua kaum. Kalau ada satu ketika mesti membela oleh kerana kurang imbangan bumiputera, kita cari cara membetulkan keimbangan. Kalau keseimbangan sudah ada, kita boleh menggunakan pendekatan-pendekatan yang lain seperti meritokrasi dan keperluan. Tetapi pokoknya, sebelum kita menggunakan konsep meritokrasi dan keperluan, the playing field must be levelled first, Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kelang, sekarang dia

sudah bersetuju. Yang Berhormat dari Kelang, dari MCA, saya kata konsep meritokrasi needs basis, kita bersetuju seandainya the playing field is levelled, ya Yang Berhormat Kuala Langat. Itu saya punya premis. Tetapi kalau playing field tidak level, saya tidak bersetuju. Itulah yang saya merasakan bahawa kita tidak ada perbezaan dari segi pendapatan kita. Hanya dalam senario-senario kita ada perbezaan sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju, di mana-mana masyarakat pun apabila kita hendak menyusun semula kita wujudkan peluang dan kemudian jangan kita menyinggunkan orang-orang yang lain, kaum-kaum yang lain? Kita wujudkan peluang dengan keberkesanan dan kita jangan menyinggunkan orang lain supaya masyarakat boleh hidup dengan sejahtera dan tenteram dengan lebih silaturrahim.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya setuju Yang Berhormat. Sebab itu sekarang ini dalam dewan perniagaan itu sendiri, galakan telah dibuat oleh kerajaan kita oleh kerana Menteri kita, mungkin Menteri boleh sahkan nanti, usaha sama sudah digalakkan antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Satu tabung khas pun telah diwujudkan untuk ventures yang begini. Kalau ada usaha, proposal, enterprise yang ownershipnya bumiputera dan bukan bumiputera, ini satu pendekatan yang amat saya kira

kerajaan galakkan. Kita boleh dapat pengesahan daripada Bapa Menteri selepas ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kepong itu untuk menyeimbangkan. Tetapi adakah Yang Berhormat setuju kerja melaga-lagakan dan perkauman ini adalah parti Yang Berhormat dari Kepong duduk itu? Dalam pilihan raya itu sahaja tetapi datang ke Dewan hendak eratkan silaturrahim. Di luar hendak memutuskan silaturrahim, termasuklah PAS pun tidak pernah rapatkan silaturrahim. Kita ajak datang ke perhimpunan pun tidak mahu, hendak bermuzakarah. Jadi, hendak erat silaturrahim macam mana? Jadi, nawaitu kita kena baik, perjuangan kita kena ikhlas. Jadi, Yang Berhormat bersetujukah ini? Depa yang melagakan kita, depa kata kita pula tidak betul! *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul itu dasar DAP tetapi Yang Berhormat dari Kepong dia berbeza dalam hal ini. *[Ketawa]* Sebab itu Dr. Kua Kia Soong.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Parit Sulong bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dr. Kua Kia Soong dalam bukunya baru-baru ini, dia mempersoalkan kepimpinan DAP yang

ada sekarang ini, sebab dia merasakan orang lain patut mengambil alih DAP untuk menghadapi cabaran yang lebih keras, lebih mencabar untuk masa akan datang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada sahabat saya dari Rompin, bahawa dalam kita mewujudkan keimbangan di dalam struktur masyarakat sama ada dari agihan kekayaan (wealth), tidakkah kita harus juga berpaksikan kepada sejarah di dalam sesuatu negara bangsa itu? Umpamanya dalam negara ini, berpaksikan kepada sejarah kaum Melayu sendiri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong dan itu merupakan pendekatan kita tetapi namun demikian, untuk akan datang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, kita merasakan penting juga. Bahawa hati, bahawa konsep bangsa Malaysia, kalau kita mahu maju di negara ini, mesti 'win win' kepada semua, dengan izin. Kemenangan kepada orang Melayu, kemenangan kepada orang Cina dan kemenangan kepada orang India. Hanya dalam keadaan yang begitu sahaja kita boleh ada sebuah negara yang benar-benar maju dan cemerlang pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah memakan masa yang panjang. Hanya hendak menyentuh satu dua perkara sahaja iaitu dari segi financial instrument UDA ini nanti. Saya hendak bertanya sama ada sekadar menggunakan modal

yang ada ataupun kerajaan juga memikir masa yang akan datang, go to the market, dengan izin, dengan menggunakan financial instrument yang lain. Bila sesuatu syarikat itu disenaraikan, banyak unsur-unsur ataupun financial instrument yang lain yang boleh boleh di"mobilise" untuk melaksanakan projek-projek yang lebih besar dan bahawa kadang-kadang saya dengar banyak projek UDA ini, namun terhad oleh kerana kemampuan kewangan. Harapan kita nanti bahawa bila mendapat unsur peruntukan yang lebih banyak, banyak lagi projek besar dapat dikendalikan secara menyeluruh dan harapan kita bahawa jangan terlupa, tetapi saya melihat dari segi laporan UDA bahawa dalam pengubahsuaian struktur ini ialah dari segi tumpuan pembangunan bumiputera itu kekal dan kita mengucapkan syabas dan akhirnya.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kerana kelmarin mungkin saya terlupa tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat dari Rompin, di samping UDA Holdings Sdn. Bhd. ini bergiat di dalam bidang perniagaannya, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau UDA ini juga berusaha sama dengan pengusaha-pengusaha bumiputera yang ingin melibatkan diri dalam bidang hartanah ini? Ataupun adakah Yang Berhormat bersetuju juga dengan saya bahawa macam tanah kita di Kampung Baru ini mungkin kita beri satu challenging kepada UDA untuk UDA pick-up projek itu dan bangunkan

orang-orang Melayu di situ, bersama dengan mereka. Jangan kita ambil tanah mereka tetapi bersama dengan mereka untuk menghadapi cabaran pembangunan di bandar raya Kuala Lumpur ini. Yang Berhormat bersetujukah dengan pandangan saya ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, saya setuju. Saya hendak memberi data tentang apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Yan tadi. Daripada projek-projek atau kerja-kerja sama ada perunding atau kontrak lebih daripada 5% diberi kepada bumiputera, ini kita mengucapkan syabas.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Yan tadi, janganlah pembangunan bumiputera itu hanya dari segi yang tradisional, kalau bangunkan projek, bagi khidmat konsultan kepada bumiputera, beri kerja construction kepada bumiputera, let us have a paradigm shift in our thinking - ini pengurusan UDA ada. Mungkin apa yang kita fikir hendak membangun bumiputera the non-traditional way - the new way, cara baru, ala-baru seperti yang dikatakan tadi. Mengapa tidak kita tidak joint-venture dengan mereka yang ada tanah. Kadang-kadang bumiputera mereka ada wang juga, dia beli tanah, tetapi tidak ada pengurusan. Dengan kerjasama ini boleh membangunkan bumiputera. Mengapa tidak UDA bersama dengan bumiputera a tripartite dengan non-bumi pun tidak mengapa?

UDA sebagai pemangkinnya, ada satu bumiputera partner and non bumiputera, a tripartite - mengapa tidak? Saya bersetuju juga bahawa memang benar utamanya kepada pembangunan bumiputera, tetapi dalam keadaan tertentu ada sektor boleh bekerjasama dengan kaum bukan bumiputera, after all, they are the Malaysian, dengan izin - mengapa tidak? Asalkan yang utama itu tidak ditinggal iaitu pembangunan bumiputera - mengapa tidak? Sebab itu saya nampak tolong UDA bila ada bukan sahaja baju baru, badan baru, tenaga baru semua baru ini “have a paradigm shift” dengan sektor yang hendak dibuat, cara yang hendak dibuat, mungkin kepakaran lebih banyak dalam UDA, tetapi fikirilah. Tetapi janganlah membuat cara yang lalu, bila menjawab persoalan mengatakan UDA sudah membela bumiputera, membangun bumiputera tetapi masih dalam kaedah yang tradisional. Oh! kita beri banyak ini untuk kerja perunding, banyak ini untuk kerja kontrak let’s look other ways of helping them - the bumis, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kampung Baru itu adalah salah satu contoh, mereka ada tanah. Mengapa tidak UDA bergabung dengan mereka? Dan mungkin juga ada tanah orang Tionghua, dia tidak mampu, bukan semua orang Cina kaya, betul Kepong ya! Correct Kepong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Mengangguk kepala]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul ya! Tidak semuanya kaya, ada yang miskin, tetapi mungkin dia ada 4 shops lot

yang lama, mereka yang boleh bekerjasama dengan UDA dan bersama satu lagi bumiputera a tripartite, mengapa tidak? Dan kawasan itu boleh dibangunkan semula, menjadi manfaat dan 'win-win' kepada semua.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Machang.

**4.25 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa lega apabila mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Rompin sekejap tadi, yang menyatakan UMNO tidak pernah lari daripada perjuangannya untuk menjaga kepentingan dan perjuangkan hak orang Melayu. Saya berharap itulah fikiran yang masih wujud dalam setiap Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO yang ada dalam Dewan yang mulia ini dan kepada mereka ini saya suka memetik beberapa laporan. Inilah rintihan-rintihan yang telah dilahirkan oleh orang-orang Melayu dalam negara ini, supaya rintihan-rintihan yang saya hendak bacakan ini akan mendapat panduan, kerana ianya adalah berhubung kait dengan Rang Undang-undang Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) UDA yang sedang dibentangkan ini.

Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini untuk meninjau suatu laporan yang dibuat oleh *Utusan Malaysia* di beberapa negeri mendapati secara puratanya, peratusan pemilikan dan penyewaan orang-orang Melayu di lot-lot bangunan kedai di bandar-bandar, taman-taman perumahan dan bandar-bandar baru adalah kurang daripada 6%. Menurut satu laporan yang dibuat oleh *Utusan Malaysia*, satu tinjauan rambang telah dibuat kepada pemilikan ruang-ruang perniagaan, rumah-rumah kedai di bandar-bandar besar dan taman-taman perumahan dan mendapati peratus pemilikan orang Melayu ialah kurang daripada 6%. Saya tekankan sekali lagi kurang daripada 6%, malah di setengah-setengah kawasan terutama di lokasi komersil yang strategik di bandar-bandar utama seperti Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Selangor dan ibu negara, peratusan itu amat menyedihkan, kerana peratusannya kurang dari 4%. Di sinilah letaknya peranan UDA.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dikenal pasti ialah kerana harga lot-lot perniagaan itu terlalu tinggi, manakala sewa bulanannya menjangkau sehingga lebih RM4,000 sebulan, malah di kawasan pinggir bandar seperti Bangsar, kawasan tiga segi Pandan, Ampang, Subang Jaya, Petaling Jaya dan Kajang, harga bangunan komersil yang disediakan tidak mampu untuk dimiliki oleh para peniaga Melayu.

Di Bangsar sebagai contohnya bangunan komersil tiga tingkat diniagakan di antara harga RM1.8 juta sehingga kepada RM2 juta pada tahun 1994; kini diniagakan dengan harga di antara RM2.5 juta hingga RM2.8 juta seunit, manakala kadar sewaan nya menjangkau antara RM10,000-RM12,000 sebulan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat dari Rompin. Melayu mana yang mampu sewa sebuah ruang perniagaan dengan harga RM12,000 sebulan? Inilah persoalannya, siapa yang mampu? Kalaulah kata UDA berperanan untuk menjaga kepentingan pemilikan bumiputera, Yang Berhormat sendiri tahu boleh bilang dengan jari, Melayu yang mampu menyewa satu ruang niaga dengan harga RM10,000 sebulan di Bangsar, begitu juga berapa keratkah golongan bumiputera yang mampu untuk membeli sebuah bangunan tiga tingkat dengan harga RM2.8 juta? Tentulah orang Melayu tidak mampu berbuat demikian.

Begitulah juga keadaanya di Pulau Pinang dan di negeri Yang Berhormat dari Yan, Kedah sendiri - Yang Berhormat dari Yan tidak ada dalam Dewan. Saya hendak menyebut supaya Yang Berhormat dari Yan, inilah rintihan yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu cawangan Kedah yang merintih berhubung dengan kedudukan ini. Mengikut beliau iaitu Baharudin bin Kassim berpendapat “kebanyakan usahawan Melayu di Kedah masih belum mampu untuk membeli

atau menyewa lot-lot kedai di kawasan-kawasan strategik”. Ini di Kedah sendiri.

Di Pulau Pinang Yang di-Pertua Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pulau Pinang - Abdul Rahman Maidin berkata “Kerajaan negeri perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha ini, kerana kebanyakan peniaga Melayu tidak mampu menanggung kos sewa lot-lot kedai yang begitu tinggi.” Inilah persoalannya, Tuan Yang di-Pertua. Persoalan yang ada di hadapan kita ialah persoalan kemampuan. Memang benar, walaupun seberapa banyak peluang diberi tetapi kalaulah orang-orang Melayu bumiputera di kawasan bandar tidak bersedia merebut peluang ini, akhirnya peluang yang diberikan ini akan terlepas ke tangan orang lain.

Persoalan yang kita bangkitkan selama ini Tuan Yang di-Pertua, ialah peluang - peluang memang ada dalam negara ini, untuk kaum bumiputera dan untuk semua rakyat Malaysia. Tetapi untuk apa peluang itu diberi jika orang bumiputera terutamanya di kawasan bandar tidak mampu, tidak bersedia dalam segala segi, akhirnya peluang baik yang disediakan itu terlepas ke tangan orang lain. Ini masalah. Begitu juga.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti dahulu Yang Berhormat, saya akan habiskan ayat ini dahulu, insya-Allah, saya akan memberikan ruang

kepada Ahli Yang Berhormat. Inilah perkaranya dan UDA telah diberi peranan ini. Inilah peranan yang akan dimainkan oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya selama ini, walaupun semasa menjawab soalan saya di Parlimen ini, saya menyatakan UDA gagal. Yang Berhormat Menteri menyatakan UDA tidak gagal. Tetapi dari segi perangkaan yang saya tunjukkan tadi, kalaulah UDA diberi memainkan peranan yang begitu lama, tetapi hasilnya ruang perniagaan orang Melayu tak sampai 4%, ini tak termasuk dalam soal pemilikan rumah, bangunan-bangunan pencakar langit tinggi yang lain, itu soal ruang niaga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek ini, saya rasa UDA gagal memainkan peranannya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menarik pandangan Ahli Yang Berhormat dari Machang. Pernahkah saudara bertanya berapa banyakkah kawasan-kawasan perumahan yang telah dimajukan oleh UDA di sekeliling bandar Kuala Lumpur sendiri, umpamanya dan di bandar-bandar besar yang lain termasuk Johor Bahru. Sekiranya saudara berpandangan bahawa UDA gagal dan terbukti gagal di dalam menyediakan ruang-ruang pejabat kepada bumiputera, apakah cadangan saudara terhadap perkara ini?

Bukankah perkembangan Melayu berniaga ini adalah satu fenomena yang baru, adakah saudara harus menyeru kepada UDA supaya membuat penyesuaian terhadap objektif dan dasar utama kewujudan UDA itu sendiri?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, saya memang ada cadangan untuk UDA selepas ini. Saya ada cadangan bagaimana UDA perlu disusun semula untuk menangani masalah selepas dikorporatkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, persoalan yang bermain dalam fikiran bumiputera sekarang bukan persoalan peluang. Peluang memang ada, tetapi persoalan yang dibangkitkan oleh kita khususnya daripada Parti Melayu Semangat 46 yang begitu komited kepada perjuangan untuk meninggikan ekonomi orang Melayu ini ialah persoalan kalaulah peluang itu wujud, tetapi peluang itu tidak sempat diambil oleh orang Melayu kerana beberapa kekurangan termasuk kekurangan kemahiran, kekurangan modal dan sebagainya, maka peluang yang diberikan itu akan terlepas ke tangan orang lain dan memang tadi Ahli Yang Berhormat dari Yan ada menyebut, apakah kita tidak bangga orang Melayu sekarang maju, berapa ramai orang Melayu sudah jadi jutawan? Sebagai orang Melayu bumiputera daripada Kelantan, saya cukup bangga. Saya cukup berbangga dengan orang-orang Melayu yang kaya, yang menjadi jutawan dalam sekelip mata pun ada, yang menjadi jutawan dalam masa satu jam pun ada. Kita bangga sebagai orang Melayu, kita tidak pernah hasad dengki kepada mereka ini - kita bangga!

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa maknanya kalau dua, tiga kerat golongan bumiputera yang mengecap nikmat, sedangkan ramai orang lain yang terus menderita - inilah persoalannya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk dahulu Yang Berhormat! Saya akan memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat selepas ini. Biar saya habiskan ayat dahulu. Sebab itu, bila kita menyuarakan perasaan ini, orang akan mengatakan bahawa Parti Melayu Semangat 46 anti pembangunan, kita anti pembangunan.

Saya hendak menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak pernah anti pembangunan, yang kita tuntutan ialah keadilan, supaya peluang yang begitu banyak dapat diberi sama rata kepada orang bumiputera yang ada di bandar, yang ada di Kodiang, Kedah atau yang ada di Pantai Tujoh di negeri Kelantan, supaya semuanya sama rata.

***[Ahli Yang Berhormat dari Yan memasuki Dewan]***

Untuk apa kita memperkayakan beberapa kerat golongan bumiputera yang mampu mengambil alih syarikat-syarikat kerajaan sampai RM2 bilion. Tetapi untuk apa kejayaan ini kalau orang-orang di Baling masih mempunyai pendapatan RM400 sebulan, kais pagi makan pagi, untuk apa?

Ini yang kita persoalkan ialah priority dan keutamaan, yang perlu diseimbangkan dan sekali lagi kita tegaskan kita tidak pernah menentang arus pembangunan. Kita menyokong pembangunan. Tetapi peluang yang sama rata mesti diberi kepada semua rakyat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang peminat, hendak beri kepada siapa dahulu?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya beri kepada Parit Sulong dahulu, fasal dia bangun dahulu. Insyallah, saya akan beri kepada Yan pula.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih. Sekarang ini kita tahulah komitmen Semangat 46 terhadap pembangunan dan progres ekonomi bumiputera kerana Perlembagaan S.46 adalah sama dengan Perlembagaan Umno. Tetapi, satu persoalan ini mungkin agak politikal, selama hampir sepuluh tahun kewujudan S.46, apakah program-program peningkatan ekonomi bumiputera yang telah dijalankan oleh S.46? Saudara tidak .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak payah jawab, kalau hendak jawab, saya hendak register persoalan ini supaya saudara sedar bahawa selama ini sudah hampir-hampir sepuluh tahun, sudah hendak balik ke dalam Umno tetapi satu benda belum dibuat lagi. Itu yang pertama.

Yang keduanya, adakah saudara mempersoalkan, ada dua, tiga kerat sahaja bumiputera yang sekarang ini menimba kenikmatan ataupun nikmat daripada pembangunan negara. Tidakkah bumiputera-bumiputera ini juga harus digesa dan disedarkan supaya orang ini tidak menjadi satu golongan seperti umpamanya, kacang yang lupakan kulit ataupun sireh lupakan junjung?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek yang kedua tadi, saya sangat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa memang dalam keadaan negara kita ini yang ini kita sudah bangkitkan banyak kali, Tuan Yang di-Pertua, dalam perhimpunan parti Melayu kita, dalam ceramah saya, kenyataan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Presiden saya sendiri dan dalam Dewan ini, bahawa kita tidak menentang pembangunan tetapi kalaulah kekayaan negara itu hanya dinikmati oleh beberapa kerat manusia dan manusia ini pula gagal memainkan tugas dan tanggungjawab sosial mereka untuk membantu golongan daif dan miskin. Apa maknanya ini semua?

Saya memang berbangga, saya orang Kelantan bangga, ramai orang Kelantan yang menjadi jutawan di Kuala Lumpur - ramai! Dalam Dewan Perniagaan sendiri .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tunggu dahulu Yang Berhormat, saya tahu ramai, saya tak mahu sebut nama, ramai, tetapi bagaimana sumbangan mereka ini kepada tanggungjawab sosial untuk membantu golongan

daif dan miskin, sedangkan mereka ini mendapat peluang daripada hasil yang diusahakan oleh kerajaan yang membantu mereka sendiri.

Sepatutnya sebagai timbal balas, mereka mesti kembali semula kepada orang Melayu bumiputera untuk membantu mereka, membimbing mereka, memberi peluang kepada mereka, mewujudkan usahawan-usahawan lain pula supaya dapat setanding dengan mereka di suatu masa. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya nampak Ahli Yang Berhormat pun orang yang nasionalis, semangat Melayu berkobar-kobar, walaupun dalam S.46, tetapi insya-Allah, kita berdoa bagi elok-elok mai balik no! *[Ketawa]* Dak! Sahabat semua, bukan orang lain, cuma merajuk sat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ahli Majlis Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan saya akui bahawa kerajaan buat permulaan, dia privatisekan tertentu macam HICOM, Malaysian Airlines System dan lain-lain lagi kepada individu supaya individu ini akan menggunakan konsep payung. Contohnya, kita ambil HICOM.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu berapa ramai sahaja bumiputera yang menjadi pembekal kepada industri motor, tetapi setelah diambil oleh Dato' Seri Yahya, kita dapat lihat, banyak peluang-peluang telah dibuka, malah Dato' Seri

Yahya sendiri sebagai Presiden HICOM telah berjalan ke seluruh negara untuk canvas kepada setiap ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ini sudah bersyarah ini, biar menterilah jawab perkara itu! Ahli Yang Berhormat hendak minta penjelasan kepada saya bolehlah. Itu tugas menterilah itu!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dak, saya hendak khaba'. Fasal apa ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat Yan!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tolong padatkan soalan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ha, tanya soalan, itu bolehlah!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, tidak adil kalau Ahli Yang Berhormat kata masih ramai orang Melayu menderita, saya dengar perkataan 'menderita' itu saya masuk. Hari ini, adakah Ahli Yang Berhormat boleh menunjukkan kepada saya satu bangsa Melayu yang tak makan atau mati kelaparan? Ataupun bangsa Melayu yang melarat tak ada rumah dan kita sekarang sedang berusaha.

Jadi, ayat itu saya ingat Ahli Yang Berhormat kena perbetulkan. Janganlah Ahli Yang Berhormat kata 'menderita'. Menderita itu kalau macam di Bosnia boleh, di Bangladesh boleh, tetapi bukan di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah bacakan untuk perhatian Ahli Yang Berhormat dari Yan, saya hendak baca sekali lagi, ini rintihan daripada Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Kedah sendiri, Yang Berhormat! Tadi, saya sudah bacakan semasa Ahli Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan. Ini rintihan dan penderitaanlah yang disebutkan di sini.

Yang di-Pertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Kedah, Baharuddin Kassim, tentu Ahli Yang Berhormat kenal dia, saya tidak kenal dengan dia, pula berpendapat, kebanyakan usahawan Melayu di Kedah masih belum mampu untuk membeli dan menyewa lot-lot kedai di kawasan strategik. Ini rintihan dan penderitaanlah ini, Yang Berhormat! Ini di negeri Ahli Yang Berhormat sendiri, Ahli Yang Berhormat ada dalam Dewan Perniagaan Melayu. Itu yang saya hairan itu, Tuan Yang di-Pertua, daripada negeri Ahli Yang Berhormat sendiri.

Saya tidak menafikan ada usaha yang dibuat oleh Proton, tetapi HICOM misalannya, misalnya orang di Kodiang, Kedah macam mana hendak mengambil bahagian dalam HICOM? Petani miskin.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Wangsa Maju bangun ini, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Minta penjelasan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang dapatkah bezakan antara rintihan seorang usahawan dengan rintihan seorang yang miskin? Tentu sekali ada perbezaan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sama sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Soalnya peluang Yang Berhormat. Cumanya dalam konteks material barangkali berbeza. Rintihan usahawan akan merintih kalau benda juta-juta tak dapat. Tetapi orang Melayu di kampung akan merintih kalau dia susah hendak makan. Rintihannya sama, iaitu rasa tak puas hati tentang dasar yang approachnya adalah tidak kena sekarang.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Hasratnya adalah satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan Bangun dahulu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tadi khusus di Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, hendak beri jalan kepada Tanjong Karang nanti, ini terpulang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya beri Yan dahulu. Insya-Allah, saya akan beri, saya tak nampak, jadi minta maaf Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Untuk maklumat, Tuan Yang di-Pertua, saya juga adalah bekas Timbalan Pengurus Dewan Perniagaan Melayu Negeri Kedah. Dalam Dewan saya pun bercakap. Kelmarin saya sudah bercakap. Saya sudah menyuarakan bahawa UDA mesti juga membina kedai-kedai sederhana supaya orang-orang bumiputera ini dapat memasuki dalam ruang kedai tersebut. Tetapi saya boleh cabar Yang Berhormat hari ini bahawa tidak ada orang yang merintih, menangis, menderita kerana tak boleh berniaga di Kedah. Sedangkan Pekan Rabu sendiri berjuta ringgit kerajaan beri hendak hidupan orang Melayu berniaga.

Begitu juga di tempat-tempat lain, termasuk FAMA sendiri buat gerai-gerai untuk orang miskin berniaga. Jadi, saya minta Yang Berhormat lain kali hendak accuse Dewan Perniagaan Negeri Kedah, hormat sedikit.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih. Baik, persoalannya saya hendak tanya Yang Berhormat dari Yan, yang disebut dalam laporan itu. Adakah dengan melihat peniaga Melayu memenuhi gerai-gerai dan warong-warong kayu di pinggir bangunan komersil, hasrat dan dasar

ekonomi baru sudah tercapai? Saya hendak bertanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ukur dari segi kemampuan orang Melayu berniaga di Pekan Rabu, di negeri Kedah amat malang sekali Yang Berhormat sebagai seorang usahawan Melayu. Itu bukan kejayaan Yang Berhormat, kalau sekadar berniaga di Lorong Haji Taib dengan sebuah kereta tolak, berniaga di Kampung Baru dengan sebuah warong di Pekan Baru. Itu bukan ukuran kejayaan bagi orang-orang Melayu, Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat bangga hanya dengan kejayaan itu boleh diukur sebagai kejayaan, sedangkan bangunan pencakar langit dan bangunan-bangunan komersil lain, tempat-tempat ruang niaga sedikit pun tidak dimiliki oleh bumiputera.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sahabat saya bagus. Tuan Yang di-Pertua, dia kena faham, nak berniaga bukannya hari ini ada duit, esok boleh berniaga. Dia kena ada budaya niaga, dia bernaigalah kereta sorong dahulu, dia masuk dalam gerai, lepas gerai dia masuk dalam kedai, lepas kedai dia masuklah shopping centre dan sebagainya. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak ambil yang baru keluar hendak berniaga, terus hendak bubuh dalam supermarket ataupun dalam wisma-wisma yang besar, macam mana depa boleh untung. Budaya niaga tak erti lagi. Macam saya cerita tangkap biawak, tak ada pengalaman, dengan kain-kain biawak pelari. *[Ketawa]* Yang ini bukan makna tiada. Ada hari ini saya boleh tunjuk berapa banyak orang Melayu Kedah yang duduk dalam bangunan besar. Tetapi kita masih mengharapkan UDA dapat membina banyak lagi. Cuba Yang Berhormat kata macam itu, seronoklah kita dengar.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sudah saya sebut tadi berkali-kali, Yang Berhormat. Sebab itulah Yang Berhormat bandingkan tadi peniaga di Pekan Rabu, sebab Yang Berhormat sendiri yang memberi contoh orang Melayu berapa ramai berniaga di Pekan Rabu di Kedah. Itu bukan ukuran

kejayaan, Yang Berhormat. Ukuran kejayaan sebenarnya, kalau orang Melayu boleh menyewa bangunan RM10,000 di kawasan bandar bertanding dengan orang lain atau berniaga di kawasan Stadium di negeri Kedah dengan sewanya RM3,000 sebulan, tetapi mampu orang Melayu berniaga. Bukan dengan ukuran di Pekan Rabu yang sewanya ialah RM1.50 satu hari.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya beri kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat dari Machang. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dari Machang yang mengatakan bahawa Parti Semangat 46 ini bukan antipembangunan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah kita mesti menunggu apabila semua orang Melayu sudah maju dan ada duit baru kita hendak membina bangunan pencakar langit? Sebagaimana yang kita tahu, kita orang Melayu baru sahaja sedar dan baru sahaja maju di dalam bidang perniagaan. Apakah mesti, kalau ikut hujah Yang Berhormat tadi kita mesti menunggu orang Melayu maju baru kita boleh membuat bangunan-bangunan yang tinggi supaya orang Melayu boleh menyewa dengan kadar yang tinggi? Kalau ini pendapat Parti Semangat 46 kalau mereka memerintah, sudah tentu mereka menunggu 20 tahun akan datang

barulah boleh UDA sebagai contoh membina bangunan-bangunan yang tinggi supaya orang Melayu berpeluang menyewa bangunan-bangunan ini.

Soalan yang kedua, saya hendak bertanya apakah Yang Berhormat setuju kalau orang Melayu yang ada modal, katalah RM10,000 adakah mereka ini layak untuk duduk di bangunan-bangunan tinggi yang sewanya sampai RM4,000 - RM5,000 sebulan?. Dalam istilah ini kalau kita hendak buat analogi, saya hendak bertanya Yang Berhormat, antara telur dengan ayam, yang mana dahulu yang hendak kita utamakan? Telur dahulukah atau ayam dahulu?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, itu tafsiran Yang Berhormat sendiri. Saya tak kata bahawa kita mesti menunggu orang Melayu boleh buat bangunan tinggi, baru kita hendak buat pembangunan. Itu bukan statement yang saya buat. Saya tidak pernah menyatakan demikian. Persoalannya ialah peluang yang wujud sama ada membina bangunan tinggi, membuat bangunan ruang perniagaan, kawasan perumahan, mestilah diukur dengan kemampuan orang Melayu. Kalau kita membuat bangunan, misalannya sekarang, kita bangga dalam negara kita sekarang, kita mempunyai bangunan yang tertinggi dalam dunia. Mengikut satu kajian, walaupun tahun depan akan dikalahkan oleh komersil kompleks di Shanghai, itu tak mengapa. Kita bangga bahawa Malaysia - saya pergi, dalam rombongan Ahli Parlimen Komanwel baru-baru ini di Kanada. Saya tiba di satu tempat Calgary, orang Kanada bertanya saya, dia kata, "where are you from?" Saya kata, "I am from Malaysia." Oh,

you ada bangunan the highest, the tallest building in the world. Dia dengar, tetapi hakikatnya, dari satu segi kita bangga bahawa negara kita mempunyai bangunan yang tertinggi dalam dunia. Tetapi pada masa yang sama, saya Ahli Parlimen kawasan luar bandar. Yang Berhormat dari Tanjong Karang Ahli Parlimen luar bandar. Yang Berhormat dari Parit Sulong luar bandar, Yang Berhormat dari Larut luar bandar.

Saya pernah masuk ke kawasan Parit Sulong, saya pernah tengok daripada satu parit ke satu parit. Jalannya ada banyak parit, saya tak ingat parit apa. Masuk daripada satu tempat ke satu tempat, di pinggir bandar besar, ini highway, jalan besar, masuk ke kampung berkenaan lebih kurang 3 kilometer. Jalannya masih tanah merah, Tuan Yang di-Pertua. Satu berita kita dengar kita mempunyai bangunan tertinggi dalam dunia. Yang Berhormat dari Parit Sulong memperjuangkan ini. Tetapi dalam kawasan Yang Berhormat sendiri rakyat masih berjalan ataupun menunggang motosikal, kenderaan atas jalan tanah merah. Lebih-lebih lagi di tempat saya di Machang, kerana bila kita daripada pembangkang tak ada pun peruntukan daripada Kerajaan Pusat, lebih daif lagi.

Saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong Karang pun macam itu juga. Saya pernah dengar rintihan. Rintihan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO dalam Dewan ini, baiki jalan itu, baiki jalan ini, buat perumahan. Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri sendiri mengakui - Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berucap di London satu ucapan yang baik. Saya, kalau benda yang baik, saya puji baik, Tuan Yang di-Pertua. Beliau berucap di London membangkitkan soal penglibatan bumiputera. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini membangkitkan pula. Nampaknya pihak kerajaan pun sedar. Kalau sedar tukar approach ini. Approach ini sudah tidak kena, Tuan Yang di-Pertua. Cara kita membangunkan negara kita dengan memajukan pembangunan yang tidak diukur dengan kemampuan rakyat tempatan, akhirnya kitalah yang akan rugi.

Dari segi individu bumiputera, persyarikatan atau penswastan MAS individu bumiputera kaya. Seorang manusia rakyat Malaysia, warganegara Malaysia kaya. Tetapi kita cuba tanya berapa kerat orang bumiputera lain yang boleh mengecap nikmat daripada MAS? Jangan persoalkan yang dapat kerja. Itu dia dibayar gaji. Yang beli saham, itu yang ada duit. Beli saham MAS, itu yang ada duit. Dari segi individu bumiputera, kayalah seorang manusia tersebut. Tetapi dari segi sumbangan kekayaannya itu kepada tanggungjawab sosial membangunkan kawasan luar bandar apakah dia, cuba

kita banding. Sehingga dia pernah mempersoalkan, lapangan-lapangan terbang kecil di Sabah dan Sarawak mesti ditutup kerana motifnya ialah keuntungan. Tanggungjawab sosial langsung tidak pernah difikir. Bila Timbalan Perdana Menteri bantai dia balik sekali, baru dia terdiam.

Ini yang kita persoalkan. Tidak ada gunanya kita mewujudkan beberapa orang bumiputera yang kaya. Saya tak mahu sebut, orang-orang Kelantan sendiri yang kaya di Kuala Lumpur. Tetapi apa tanggungjawab mereka ini kepada orang-orang miskin di Jeli, kawasan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pun sendiri tahu kawasan Yang Berhormat kawasan luar bandar. Kalau pergi ke sempadan Pergau dekat Dabong Yang Berhormat sendiri tahu, rumah buluh masih ada lagi. Tangga tak ada.

Pernah saya masuk dalam kawasan saya sendiri, naik ke rumah itu dia punya tangga patah terus kerana tidak mampu menampung seorang - patah, terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk membaikinya. Kita masih jumpa lagi perkara-perkara seperti ini. Itulah saya kata tidak ada gunanya kalau kita hanya mewujudkan, selepas ini pun kalau UDA memainkan peranannya memajukan kawasan bandar tetapi tidak ada gunanya kalau membina premis perniagaan dengan harga ratusan juta ringgit kalau satu premis bangunan 3 tingkat berharga RM2.8 juta - Melayu mana mampu beli? Saya tidak mampu beli. Mengadakan ruang niaga, sewanya RM8,000 sebulan, Melayu mana mampu sewa? Tentulah peranan yang akan dimainkan oleh UDA juga tidak akan berkesan. Inilah persoalan yang harus difikir oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak membangkitkan berkenaan dengan UDA ini - ini untuk perhatian Yang Berhormat dari Larut sebagai Pengerusi UDA dan untuk perhatian Yang

Berhormat Menteri juga, selepas dikorporatkan nanti, UDA mesti disusun semula. Ini cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan ini cadangan saya. Sekarang ini, ada 27 anak syarikat UDA. Saya sebut satu persatu anak-anak syarikat UDA. Uda Murni Development Sdn. Bhd., Urus Bangunan Sdn. Bhd., Daya Urus Sdn. Bhd., SPBU Sdn. Bhd., Pertama Enterprise Sdn. Bhd., Pertama Complex Management Sdn. Bhd., UDAPET Sdn. Bhd., PNS Development Sdn. Bhd., UDA Hunter Sdn. Bhd., UDA Ocean Sdn. Bhd., Sri Jeluda Sdn. Bhd., Sepang Ceramic Industry Malaysia Sdn. Bhd., UDA Sama (MGMT) Sdn. Bhd., UMA Sdn. Bhd., KT Golf Resort Sdn. Bhd., Tropica Island Resort Dermuda Sdn. Bhd., Ezra Sdn. Bhd., UDA DARA Sdn Bhd., City Gatt Sdn.. Bhd., DUTC Sdn. Bhd., Jeluda Development Sdn. Bhd., Perumahan Pertama Sdn. Bhd., Harta Raya Sdn. Bhd., UDA Takat Bina Sdn. Bhd., Syarikat Peruda Kedah Sdn. Bhd dan akhir sekali Syarikat UDA 3 Beradik Sdn. Bhd - semuanya 27 anak syarikat, tidak termasuk syarikat-syarikat bersekutu yang ada 17. Saya tidak mahu sebutlah satu persatu, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sedia tahu.

Tentulah syarikat sendirian berhad yang ada 27 buah semuanya, ada ahli Lembaga Pengarahnya masing-masing. Sekurang-kurangnya 2 orang, kalau tidak 5 ataupun lebih daripada 2. Kalau seorang memegang selaku Ahli Lembaga Pengarah 5 buah syarikat, berapa perbelanjaan yang terlibat? Saya difahamkan ada beberapa individu dalam UDA sekarang ini memegang 5 atau 6

syarikat selaku Pengarah atau Pengerusi anak-anak syarikat. Kalau satu syarikat terpaksa membayar RM6,000 kepada Director Remuneration selama setahun - katakan itu minimum - murah. RM6,000 setahun x 6 buah syarikat dekat dengan RM36,000 setahun yang dia dapat, itu baru satu orang, kalau kena 5 orang berapa pengurusannya? Mengapa anak-anak syarikat ini terlalu banyak? Sebab itu saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, pertama anak-anak syarikat ini mesti disusun semula. Tidak perlu tubuhkan banyak anak-anak syarikat ini, untuk apa? Untuk apa mengadakan sampai 27 anak syarikat? Sedangkan saya tengok percanggahan tugas berlaku (overlapping). Kedua, mengapa kita membiarkan beberapa individu memegang jawatan dalam banyak syarikat? Kalau dia pegang 6, bolehkah seorang individu menumpukan perhatian untuk menjaga 6 buah syarikat? Yang kebanyakannya masuk mesyuarat - duduk, tidur. Buat keputusan, tunggu mesyuarat akan datang. Tidak mampu kalau seorang individu hendak pegang Director atau Pengerusi bagi 6 buah syarikat. Macam mana dia hendak memberi tumpuan?

Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya 27 buah anak syarikat selepas UDA dikorporatkan ini supaya disusun semula. Pertama dalam penusunan ini mesti diambil kira meminimumkan kos pengurusan UDA, sebab kita tidak mahu kos pengurusan UDA selepas ini menjadi beban kepada syarikat yang akan dikorporatkan ini, kerana bila kos pengurusan tinggi, yang menjadi mangsa ialah orang-orang bumiputera.

Bangunan terpaksa dijual dengan harga yang mahal - competitive berbanding dengan harga-harga yang lain. Pertama, mesti disusun semula dan dalam penyusunan semula ini, tidak boleh seorang individu memegang banyak jawatan di banyak syarikat Sdn. Bhd ini. Sekurang-kurangnya 1 orang ditugaskan 1 syarikat supaya dia boleh memainkan peranan yang lebih berkesan. Jangan satu individu, Ketua Pengarah misalnya sekarang diberi 5 ataupun 6, Timbalan Ketua Pengarah I - diberi 7 atau Timbalan Ketua Pengarah II - diberi 4. Diberi satu bagi setiap seorang supaya menumpukan kepada satu aspek, biar kerjanya dapat berjalan lancar.

Kedua, dari segi penyusunan semula ini, anak-anak syarikat ini perlu dielakkan daripada bertembung kepentingan. Maksud saya, tidak ada makna kalau kita mempunyai 6 buah anak syarikat UDA yang peranannya ialah membuat rumah-rumah kedai. Dalam aspek pembangunan rumah kedai, hanya satu anak syarikat sahaja - cukuplah. Dia boleh mengadakan cawangannya di Kelantan, di Kedah supaya tidak banyak. Bila banyak kos pengurusan akan meningkat dan dalam penyusunan semula ini, saya cadangkan supaya anak-anak syarikat ini, fungsi dan peranannya mesti dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dengan mata saya sendiri ialah satu kawasan perniagaan yang dibangunkan oleh UDA di Kota Bharu, Kelantan. Kawasananya cukup strategik iaitu di tengah jalan Sultan Yahya Petra - kawasan bandar, tetapi ruang niaganya diduduki oleh peniaga-peniaga yang

daif dan tidak mampu. Kedudukan ruang niaganya juga amat daif kerana tidak ada pembangunan sedangkan kawasan ini boleh dibangunkan menjadi suatu kompleks bangunan yang baik. Orang yang berniaga di situ pun tidak menjadi tumpuan orang, kemudian, walaupun sewanya terlalu rendah tetapi lari tidak boleh membayar sewa dan sebagainya, kerana saya nampak apa yang dibuat, perancangannya adalah tidak kena atau tidak sesuai dengan tempat berkenaan. Jadi, fungsi dan peranan anak-anak syarikat ini, sebelum sesuatu rancangan UDA dibuat mestilah dilaksanakan.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya boleh memainkan peranan yang lebih.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti dahulu Yang Berhormat, biar saya habiskan ayat ini.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya menumpukan untuk memberi perhatian yang lebih, pertamanya di Bandar Raya Kuala Lumpur, Bandar Raya Ipoh, Bandar Raya Johor Bahru, Bandar Raya Pulau Pinang, Bandar Kuantan - ini kawasan-kawasan yang kaum bumiputeranya selalu merintih, kawasan-kawasan ini perlu diberi tumpuan oleh UDA untuk memainkan peranan yang lebih supaya orang-orang Melayu di

kawasan berkenaan dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang-orang lain dalam negara ini. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Machang. Saya hendak mendapatkan penjelasan kerana saya agak keliru. Mula-mula tadi saya dengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat - beliau meminta supaya UDA ini khasnya dalam membantu bumiputera supaya sewa bangunannya murah, bangunan yang dibuat sesuai dengan kemampuan dan peluang-peluang yang disediakan dapat direbut oleh bumiputera untuk menegakkan keadilan. Kemudian baru tadi Y.B. menyebut contoh UDA di Kota Bharu, Yang Berhormat melahirkan rasa tidak puas hati dengan keadaan bangunan UDA dan dengan keadaan prestasi peniaga-peniaganya. Dan Yang Berhormat tadi menyalahkan 'planning'. Saya hendak tanya, sama ada plainningnya salah ataupun harga sewa yang dikenakan oleh UDA di Kota Bahru itu bersesuaian dengan kehendak dan juga suasana pekedai itu sendiri dan juga sesuai dengan kos pengurusan, sebab itulah keadaan bangunan dan peniaga-peniaga di Bangunan UDA Kota Bharu itu tidak memuaskan hati Y.B.

Saya juga hendak mendapatkan penjelasan, adakah Yang Berhormat setuju dengan saya mengatakan, kalau berkehendakkan pengurusan yang baik, secara profesionalism, kita perlukan kos yang tinggi dan mahu tidak mahu peniaga-peniaga Melayu terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi juga untuk menyewa bangunan UDA. Kalau kita tetap mengatakan UDA mesti mengenakan kos yang rendah terhadap kadar sewa, sudah tentu sampai bilapun

keadaan bangunan UDA ini seperti keadaan UDA di Kota Bahru. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya menyebut contoh di Kota Bharu tadi, bukan saya menafikan peranan UDA tetapi tempat itu tidak begitu strategik. Tempat dari segi lokasi dan ruang niaga yang dibuat itu bukan di kawasan laluan orang membeli-belah. Jadi, oleh kerana itu pembeli-pembeli tidak pergi ke situ. Akhirnya, walaupun sewa murah tidak mampu bayar. Sebab itu yang disebut diawal-awal tadi, perkara pertama yang harus dipilih ialah kawasan-kawasan strategik. Yang saya sebutkan tadi, di bandar-bandar raya utama supaya peniaga-peniaga Melayu ini tidak tenggelam punca untuk mendapat pertolongan daripada pihak UDA .

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat

....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya ada membaca...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang, bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti dulu, Yang Berhormat. Nanti kejap.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak tanya mengenai kawasan strategik. Saya amat setuju dengan pendapat Y.B. dan saya pun hendak berhujah lebih kurang sama dengan hujah Y.B. itu. Saya memang bersetuju supaya UDA ini memilih kawasan-kawasan yang strategik. Kalau tidak strategik, sudah tentu tidak ada orang yang datang. Jadi, apabila hendak

berniaga di kawasan yang strategik, kawasan dalam pekan, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, bagaimana dengan harga tanah tersebut? Sudah tentu memerlukan kosnya yang tinggi. Kalau tanah di dalam pekan di tempat yang strategi, sudah tentu harganya mahal. Kalau harganya mahal, kos pembinaannya tinggi, bagaimana Yang Berhormat tadi meminta UDA ini menawarkan memberi harga yang murah, kalau di tempat yang strategik?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat. Inilah saya tidak faham. Saya baca dalam akta ini kuasa pengambilan balik tanah sudah dibatalkan daripada UDA sekarang. Tidak ada kuasa lagi. Bukan Yang Berhormat pengerusi? Tidak? [*Menghala pandangan kepada Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan*] Tidak ada lagi dah, Yang Berhormat Menteri? Tidak ada! Sepatutnya kalau Akta Pengambilan Balik Tanah hendak digunakan, inilah masa patut diguna. Untuk UDA, untuk kepentingan orang ramai. Tetapi dalam akta yang dicadangkan sekarang, kuasa untuk mengambil tanah dan sebagainya itu sudah ditiadakan daripada UDA. Sepatutnya UDA diberi kuasa ini untuk mengambil balik tanah dengan harga yang tidak harga pasaran. Kalau kuasa ini ditarik balik, UDA terpaksa membeli tanah di pasaran terbuka dan kita tahulah sendiri kalau UDA membeli tanah di pasaran terbuka, harganya terlalu tinggi.

Jadi, mengapa kuasa membeli tanah ini ditarik balik? Kalau kuasa memiliki tanah ini tidak ditarik balik melalui land acquisition dan sebagainya,

maka UDA dapat membeli dengan harga yang murah dan dapat pula membantu bumiputera. Ini tidak land acquisition digunakan untuk ambil tanah rakyat, beri kepada individu, yang pernah saya bangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Sepatutnya inilah masa patut guna. Kalau UDA ambil, kita tidak rasa hati sebab UDA ini ialah pemegang amanah untuk memajukan ekonomi bumiputera di kawasan bandar. Kalau ambil tanah individu pun untuk maju dan pulang balik kepada bumiputera, itu tidak ada salahnya dari segi tanggungjawab sosial tetapi kalau ambil tanah diberikan kepada orang individu, kaya individu berkenaan dengan menggunakan akta tadi, maka ini adalah tidak betul.

Tetapi dalam akta yang dicadangkan ini, kuasa pengambilan balik tanah tadi sudah tidak ada lagi. Bermakna sekarang UDA mesti bersaing di pasaran terbuka untuk membeli tanah. Kalau di pasaran terbuka, satu kaki persegi di Kuala Lumpur, saya tidak tahu nilainya, tentulah kos akan meningkat. Mengapa tidak kuasa itu diberi kepada UDA untuk membantu mereka menunaikan tanggungjawab sosial yang ada di atas bahu mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang panjang. Saya berharap beberapa cadangan yang telah saya sebutkan tadi dapat mencapai matlamat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat menerusi pembangunan bandar yang akan diteruskan UDA melalui entitinya yang baru dan ini termasuklah dari segi pemasaran, pengagihan premis dibina, pemberian diskaun kepada pembeli serta penyewa bumiputera, khidmat perundingan untuk memajukan tanah bumiputera dan pemberian kerja-kerja kontrak dalam pemborong dan profesional bumiputera juga akan diteruskan oleh UDA seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini pada petang kelmarin. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sipitang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya hendak bertanya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat bangun hendak berucapkah?

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, sudah habis berucap. Tidak ada peluang lagilah Yang Berhormat. Ya, Wangsa Maju, selepas itu Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

**5.05 ptg.**

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbincangan ini atas Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995. Banyak hujah yang disampaikan oleh rakan-rakan dari parti kerajaan yang terdahulu dari saya yang saya tidak perlu tekankan, tetapi saya sangat tertarik dengan Yang Berhormat dari Machang atas beberapa hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh beliau.

Jadi, oleh kerana kesuntukan masa saya tidaklah mahu mempertikaikannya satu persatu, melainkan, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan walaupun hujah-hujahnya disampaikan dengan begitu memberangsang dan menarik pandangan dan perhatian kita dan kita tahu bahawa apabila disebutkan beberapa perangkaan seperti jumlah pemilikan ataupun peratusan pemilikan orang Melayu atas tanah-tanah di bandar, kurang daripada 6% tidak boleh kita pertikaikan kerana itu adalah data yang sedia ada. Namun, saya mempertikaikan pandangan Yang Berhormat dari Machang bahawa seolah-olah beliau dan pihak pembangkang dari Parti Semangat 46 atau lain sahajalah yang mendengar dan menghayati rintihan rakyat dan mereka yang masih lagi perlu pembelaan oleh mana-mana pihak.

Pada ulang tahun ke-50 penubuhan UMNO, UMNO tidak seharusnya berasa defensive apabila ditimbulkan perkara-perkara seperti ini oleh kerana prestasi UMNO membela nasib bangsa selama 50 tahun tidak dapat dipertikaikan kerana ia telah melihat dengan bukti-bukti dan data-data yang lain yang bukan sahaja dalam bidang yang khusus kepada UDA tetapi kepada lain-lain peranan agensi kerajaan bahawa kerajaan telah menjalankan tugas. Tugas ini besar oleh kerana kita cuba mengubah dan mengangkat martabat taraf ekonomi bangsa Melayu yang sekian lama tertindas dan ketinggalan yang beratus-ratus tahun tidak mendapat peluang untuk membangun dan membela diri. Dengan kemerdekaan dan kemenangan parti kita yang memerintah sekian lamalah, maka kita dapat sampai ke tahap ini.

Maka, untuk saudara kita dari Machang, dan lain-lain yang cuba mengatakan mereka adalah yang mewakili perasaan rakyat, tentu sekali di kalangan parti UMNO, bukan sahaja di kalangan ahli politik, mereka yang telah berjaya hasil perjuangan UMNO itu sendiri ramai yang sedar bahawa mereka bergantung kepada pembelaan UMNO itu sendiri. Sama ada dia usahawan ataupun pelajar yang tidak dapat belajar ke luar negeri dengan scholarship yang diberikan oleh kerajaan, balik menjadi doktor, engineer, akauntan dan sebagainya, mereka teringat sentiasa bahawa pada suatu masa mereka akan dituntut oleh bangsa mereka membalas balik budi mereka itu yang diberikan oleh parti dan kerajaan kepada mereka.

Bersangkutan dengan hal inilah saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Machang perlulah dilapiskan dengan beberapa pemahaman bahawa perjuangan UMNO yang akan kita kaji kedudukannya dan terus mengorak satu strategi dan pendekatan baru menjelang 50 tahun yang akan datang menjelang 10 Mei ini nanti, tentu sekali akan dapat kita sama-sama mengorak satu strategi yang lebih untuk mengangkat taraf bangsa ke tahap dan era yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, yang membezakan pihak kerajaan dengan pihak pembangkang ialah bahawa pihak kerajaan boleh menjalankan dan menunaikan janji dan membuat, walaupun ada kesilapan, mengubah dan juga mencari pendekatan baru apabila pendekatan yang telah dilaksanakan tidak mencapai kepada tahap dan sasaran ataupun tidak berkesan setinggi yang dimahu. Hakikatnya kita menerima bahawa walaupun matlamat kita begitu tinggi dalam cita-cita hendak membela bangsa begitu murni, namun keadaan realiti menjadi hambatan yang tidak dapat kita elak sebaik dan sewenang-wenangnya. Maka, dalam hal inilah saya rasa, apa-apa kritikan yang ditujukan kepada pihak kerajaan dan kerajaan sendiri, kita menerima dan mamahami kritikan itu maka, kita boleh mencari penyelesaian. Itulah sebabnya kuasa yang ada pada kita melalui UMNO mahupun kerajaan ini, yang mendukung kerajaan adalah dari segi satu penghayatan dan penerimaan bahawa usaha kita itu adalah untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang untuk pemindaan Perbadanan UDA

ataupun Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995 ini dan rasa yakin dengan hujah yang disampaikan oleh Timbalan Menteri sewaktu membentangkan rang undang-undang ini untuk perbincangan semalam bahawa UDA dalam bentuk yang baru ini, setelah diperbadankan dengan syarikat pengganti, UDA Sendirian Berhad atau apa-apa nama lain yang akan diberikan nanti akan tetap mempertahankan usaha dan matlamatnya sebab *raison d'etrenya*, dengan izin, mengapa UDA itu ditubuhkan 25 tahun dahulu.

Saya juga merasa bangga bahawa UDA telah memberi jaminan ini tanpa menjejaskan dasar-dasar dan objektif kerajaan yang didokong oleh UMNO dan tidak berganjak daripada matlamat walaupun terpaksa mengubahsuai strategi dan program untuk menangani keadaan semasa dan apa yang dijangka akan berlaku di masa hadapan.

Dalam hal inilah, saya sungguh rasa tergalak daripada huraian penggulungan sewaktu Rang Undang-undang Perbadanan UDA ataupun Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 sebelum ini yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini semalam bahawa semua teguran-teguran akan dapat diresapkan dalam perbadanan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yakin bahawa dengan cara inilah iaitu cara persyarikatan yang dicadangkan ini, dengan perubahan yang berlaku dari segi pendekatan bahawa satu peluang keemasan ada pada pengurusan UDA untuk mengorak satu strategi baru mengkaji kelemahan-kelemahan yang sedia

ada, termasuk menyusun apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Machang, jika perlu untuk memperbaiki lagi keberkesanan program-program UDA itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara bahawa tekanan dan harapan kita untuk pembelaan melalui UDA akan kedudukan orang Melayu di bandar akan bertambah besar, bukan berkurangan. Saya tahu dan yakin bahawa dengan perubahan persyarikatan yang baru ini akan memberi satu disiplin baru iaitu disiplin di mana bukan sahaja persaingan pasaran akan diserap masuk, tetapi disiplin pasaran itu sendiri memberikan pengurusan yang lebih mantap di kalangan UDA yang telah lama berpengalaman selama 25 tahun di bawah naungan kerajaan sebagai syarikat ataupun perbadanan kerajaan.

Sekarang ini, oleh kerana kedudukan persaingan dan keadaan ekonomi pasaran yang bertambah begitu canggih, maka UDA sendiri perlu mengubah corak dan perbadanan yang dicadangkan ini adalah cara yang terbaik untuk tujuan itu.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri dan juga kepada pihak UDA sendiri yang begitu berkeyakinan tinggi bahawa dengan pengalaman yang ada pada mereka, mereka akan dapat bersaing dan menjalankan tugas, termasuk matlamat sosial mereka dalam konteks persaingan dan disiplin pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan tadi bahawa tugas UDA akan bertambah lebih mencabar di masa akan datang ini oleh kerana kedudukan perbandaran orang Melayu akan meningkat, bukannya mengurang. Kini, 45% orang Melayu di bandar. Dalam tahun 2000, dijangka 50% ataupun satu daripada dua keluarga orang Melayu akan duduk di kawasan bandar.

Menjelang 2020, kemungkinan 70% daripada orang Melayu, seperti juga keseluruhan penduduk Malaysia akan tinggal menetap, berusaha dan bekerja menjalankan perniagaan di bandar. Maka perubahan yang besar ini bagi pihak UDA mempertahankan kedudukan orang Melayu dari segi pemilikan tanah, bandar, dari segi pemilikan rumah dan ruang kedai di bandar adalah satu cabaran yang amat besar dan semakin meningkat.

Maka, tentu sekalilah pihak UDA perlu mengambil kira trend ini dan juga trend globalisasi, trend persaingan ekonomi yang akan terus bertambah. Pemandaran orang Melayu ini akan meningkat bukan sahaja oleh kerana penghijrahan dari luar bandar ke bandar, tetapi oleh kerana terdapat juga pemandaran di kawasan luar bandar dengan pembangunan projek-projek ataupun pekan-pekan kecil kepada saiz yang lebih besar melalui pemandaran luar bandar itu.

Termasuk juga klasifikasi sempadan bandar-bandar besar dan percantuman antara bandar-bandar yang berhampiran kepada mega kompleks bandar dan sebagainya. Maka dalam keadaan inilah, tugas membangun semula

kawasan bandar untuk menampung kepentingan orang Melayu dan bumiputera lain melalui perumahan-perumahan berbagai bentuk, termasuk ruang rumah kos rendah, ruang kedai dan sebagainya adalah sesuatu yang sungguh mencabar yang perlu ditangani oleh pihak UDA.

Juga kawasan-kawasan strategik yang terbangun, bukan dalam masa yang terdekat, tetapi dalam jangka masa panjang, perlu juga ditangani ataupun dimiliki dan dikuasai oleh UDA supaya tidak terlepas kepada pihak yang lebih mampu pada masa yang terdekat itu. Jika kita lihat kepada unjuran pembandaran orang Melayu ini, maka tentu sekalilah harapan bangsa kita terhadap UDA itu akan bertambah.

Saya ingin menegaskan di sini kepada pihak yang berkenaan bahawa tujuan utama UDA dalam bentuk persyarikatan yang baru ini, dalam persaingan pasaran yang bertambah giat itu ialah untuk mencorakkan alam terbina, dengan izin, the built environment supaya melambangkan pembangunan masyarakat menjelang Wawasan 2020 itu betul-betul melambangkan dan membayangkan pencapaian orang Melayu bersama dengan kaum-kaum lain.

Dengan erti kata yang lain, bahawa mereka perlu menyertai perniagaan-perniagaan di bandar. Mereka perlu memiliki kawasan-kawasan kompleks besar seperti lain-lain kaum yang terdapat pada masa ini. Mereka perlu juga mengatasi isu-isu keusahawanan di bandar dan ekonomi orang Melayu melalui

kegiatan-kegiatan, bukan sahaja yang digalakkan melalui UDA, tetapi juga oleh pembangunan usahawan Melayu itu sendiri.

Kita sedar dan tentu sekali Yang Berhormat dari Machang akan bersetuju bahawa tujuan kita dan agenda kita dalam bidang membentuk masyarakat perniagaan Melayu masih lagi belum tercapai. Malah, dari segi pemilikan kekayaan, sama ada dihitungkan dari segi pemilikan saham yang masih lagi pada tahap 20%, tak sampai 30% target Dasar Ekonomi Baru dahulu, ataupun dari segi kekayaan diperhitungkan dari pemilikan hartanah yang masih lagi, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi iaitu masih lagi di bawah 6%. Jadi, inilah cabaran yang begitu besar yang harus ditangani oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulangi perkara-perkara dan hujah-hujah berkaitan dengan hal itu melainkan memberi cadangan untuk pertimbangan Menteri dan juga pihak pengurusan UDA yang disyarikatkan nanti dari syarikat pengganti.

Tiga cadangan supaya dipertimbangkan. Pertama kita tahu dan timbul berbagai hujah bahawa masalah penyertaan bumiputera dan pemilikan tanah bumiputera di bandar terbatas sehingga begitu teruk, kurang daripada 6%, kemungkinan besar bukan sahaja tidak mampu membangun tanah-tanah tersebut ataupun tidak ada mereka yang dapat membangun tanah-tanah tersebut, tetapi juga oleh kerana mereka yang ingin memiliki kawasan-kawasan yang

terbangun itu tidak mampu membayar, sama ada sewa atau pun harga bayarannya.

Dalam soal inilah maka saya mencadangkan kepada pihak UDA bahawa satu dana perlu ditubuhkan dan dibentuk oleh UDA dengan bantuan kerajaan, Kementerian Kewangan atau mana-mana pihak lain supaya dana ini digunakan untuk mengambil alih berbagai-bagai ruang kedai ataupun membeli tanah-tanah yang perlu dalam 'land bank'nya untuk tujuan dibangunkan ataupun diagihkan dan disewakan kepada kaum bumiputera yang pada masa ini perlukan kepada bantuan oleh kerana tak mampu membayar sewa dan tak mampu membeli.

Kalau tidak ada dana ini untuk menampung pembelian bangunan-bangunan yang antaranya adalah yang dikhaskan kepada bumiputera sama ada dengan diskaun ataupun tidak dengan diskaun, peratusan 30% pemaju-pemaju swasta diperlukan ataupun disyaratkan. Kalau tidak ada pembiayaan seperti ini, maka ianya akan terjatuh kepada pihak yang lain. Maka, itulah satu tugas atau amanah UDA yang dulunya ada pada UDA sebelum daripada persyarikatan ini, harus diteruskan melalui dana yang sebegini dan tentu sekalilah dengan tidak ada lagi kuasa mengambil alih tanah tanpa mengikut syarat Akta Pengambilan Tanah. Kalau terpaksa dibayar dengan harga pasaran maka itu juga perlu dijalankan dengan harga pasaran tetapi memerlukan pembiayaan tabung tersebut.

Saya juga bersetuju Tuan Yang di-Pertua, bahawa cadangan yang dibawakan oleh Yang Berhormat dari Rompin bahawa UDA perlu bersama-sama dengan bumiputera yang lain yang memiliki tanah dan juga mungkin usaha sama dengan kaum bukan bumiputera untuk memajukan tanah milikan bumiputera tersebut. Selain itu, saya rasa dengan perbadanan UDA ini, tentu sekali UDA juga mampu mengambil ekuiti dalam beberapa perusahaan-perusahaan awal yang dimulakan oleh bumiputera-bumiputera ini. Kerana satu masalah besar mereka yang memulakan perniagaan mereka ialah kos tetap (fixed cost) yang termasuk sewa yang begitu tinggi. Di permulaan perniagaan mereka, ini adalah satu fixed cost, dengan izin, yang perlu dibiayai dari keuntungan ataupun working capital. Bagaimanapun kalau UDA dapat mengambil ekuiti dalam setengah daripada perniagaan-perniagaan bumiputera ini dikira, dihitung mengikut penilaian-penilaian yang sewajarnya, maka tentu sekali sebagai rakan usaha sama dalam bidang ini, dalam usaha memperluaskan seperti cadangan rakan-rakan; tugas UDA membangunkan keusahawanan di kalangan bumiputera; maka pihak bumiputera tadi tidak perlulah bergantung kepada working capital ataupun keuntungan awal yang selalunya rendah kerana permulaan biasa dan juga cost of entry, dengan izin yang begitu tinggi. Maka, sekurang-kurangnya perusahaan tersebut dapat diteruskan dengan tidak payah memikirkan soal sewa yang tinggi tersebut.

Jadi, satu sebab perlu ada....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]* Tuan

**Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat sedar, Kelantan ini sejak di bawah pemerintahan Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah, projek-projek UDA seolah-olah dibekukan di Kelantan? Seolah-olah ada dalang di belakangnya yang mengarahkan UDA supaya berbuat demikian. Apakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya UDA dikorporatkan nanti, kerja-kerja yang tidak baik ini tidak akan dilakukan oleh UDA yang dikorporatkan? Sebab kerja-kerja yang seperti ini tidak menguntungkan orang Melayu. Sebab orang Kelantan adalah 90% lebih orang Melayu tetapi ini adalah sikap yang saya tidak tahulah apa yang saya hendak kata. Apakah masih berulat dalam kepala-kepala pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutama Menteri yang bertanggungjawab.

*[Disampuk]*

**Datuk Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sepatutnya ditujukan kepada Menteri kerana beliau yang bertanggungjawab kepada UDA. Saya jawab nanti mungkin mengambil alih pula tugas beliau. Bagaimanapun, saya merasakan bahawa UDA perlu dalam urusan-urusannya nanti mengikut perhitungan-perhitungan pasaran oleh kerana ia terpaksa mempernilaikan semuanya mengikut pasaran dan juga dari segi komitmennya

terhadap matlamat sosial iaitu penyusunan semula masyarakat, tentulah akan mengambil kira kepentingan-kepentingan bangsa.

Jadi, dua cadangan yang saya sebutkan tadi. Pertamanya, tabungan untuk tujuan mengambil alih tapak-tapak ataupun ruang-ruang yang dikhaskan kepada bumiputera tetapi tidak ada bumiputera yang mampu pada masa itu, jadi sebagai pemegang amanah kepada orang Melayu maka UDA dapat menggunakan dana tersebut untuk memegangnya apabila sampai pada tahap yang baik untuk dijual mengikut pasaran kepada bumiputera yang mampu.

Keduanya, untuk UDA menggunakan dana itu untuk membiayai equity participation dan dengan itu mengurangkan beban sewa (rental) pada permulaan perniagaan bumiputera tersebut. UDA harus diberi peluang untuk berbuat demikian mengikut undang-undang baru ini.

Cara yang ketiga, selepas itu saya hendak habiskan ucapan saya ini, saya rasa seperti yang telah dibuatkan oleh Johor Corporation iaitu PKENJ bahawa tidak semestinya badan-badan yang dikorporatkan ataupun yang perlu mengikut disiplin pasaran lupa pada hakikat sosial dan matlamat sosialnya itu. Maka dalam hal yang ketiga ini, UDA berpeluang melalui syarikat barunya ini untuk mewujudkan Amanah Saham UDA ataupun property trust ataupun Amanah Hartanah UDA supaya dengan demikian, kaum bumiputera yang tidak mampu menjadi usahawan usaha sama ataupun tidak mampu memulakan perusahaan perniagaannya dengan penyertaan ekuiti UDA dapat juga

menikmati daripada keuntungan-keuntungan dan kelebihan-kelebihan yang ada pada UDA.

Dengan demikian juga, melalui amanah saham ini dan juga unit trust ataupun property trust, maka hasil pendapatan itu dapat dipulangkan kepada individu-individu bumiputera dan mungkin yang bukan bumiputera pun mendapatkan manfaat daripada pelaburan melalui unit trust tersebut. Dalam hal inilah maka kita tahu bahawa UDA mempunyai aset-aset hartanah dan mungkin syarikat-syarikat yang berkeuntungan yang boleh dimasukkan ke dalam pelaburan UDA tersebut melalui penggemblengan tabungan orang bumiputera melalui amanah saham sedemikian.

Jadi, itulah tiga cadangan yang saya ingin ajukan kepada pihak Menteri kepada UDA untuk mengambil kira apabila membuat rombakan strategi dan juga mencartakan rancangan jangka panjangnya. Mengimbangkan antara keperluan-keperluan komersil dan keperluan-keperluan sosial dan matlamat membangunkan usahawan bumiputera yang tidak harus ia lupa apabila bertukar corak nanti.

Dengan itu, saya berdiri menyokong cadangan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.27 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamad]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tujuh Ahli Yang Berhormat yang berucap membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995, Yang Berhormat dari Cheras, dari Yan, dari Libaran, dari Kepong, dari Rompin, dari Machang dan dari Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dibangkitkan. Saya boleh golongkan kepada dua bahagian. Yang pertama, umum. Yang keduanya, perkara-perkara spesifik. Seperti biasa ada cadangan yang membina, ada yang kurang membina, ada yang tidak membina. Seperti biasa ada emosi, ada cadangan yang dikemukakan secara rasional, berlandaskan fakta, bukti yang kukuh, ada tuduhan yang melulu yang tidak berasaskan kepada apa-apa fakta sekalipun.

Walau bagaimanapun, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih atas teguran, pandangan yang dikemukakan dan sudah pasti pandangan Ahli Yang Berhormat akan kita ambil perhatian dan memberi pertimbangan sewajarnya di mana perlu untuk melaksanakan.

Semalam Timbalan Menteri telah pun menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk membubarkan UDA dan beberapa perkara yang dibangkitkan hari ini juga telah pun dibangkitkan semalam. Oleh yang demikian, mungkin ada sedikit pertindihan bukan sahaja di segi

perbahasan semalam dan juga penggulungan semalam dengan apa yang saya akan sebutkan pada petang ini. Jika ada pertindihan, saya berharap Ahli Yang Berhormat anggaplah ini sebagai maklumat tambahan kepada apa yang telah pun dibicarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya harapan ke atas UDA adalah tinggi, malah amat tinggi sekali. Ahli Yang Berhormat mempunyai harapan yang tinggi agar UDA dapat membela kepentingan Melayu, dapat mengubah struktur bandar, memastikan orang-orang Melayu mendapat tempat yang lebih di bandar; harapan begitu tinggi - jadi, kita ingin mengucapkan terima kasih.

Saya ingin memberi pengakuan dan keyakinan di sini bahawa peranan UDA tetap sama, malah kita akan memperhebatkan lagi peranan UDA untuk membangunkan semula bandar untuk memastikan bumiputera mendapat tempat yang sewajarnya. Cuma yang dipertikaikan setakat manakah UDA mampu untuk memenuhi hasrat yang tinggi mengunung daripada Ahli Yang Berhormat - ini yang dipertikaikan.

Saya hendak menjelaskan sekali lagi pada Yang Berhormat dari Machang bahawa UDA jika dinilai daripada objektif ditubuhkan, jika dinilai daripada prestasi setakat ini telah berjaya, tetapi pada masa yang sama saya ingin menyatakan bahawa fakta-fakta yang dinyatakan itu adalah ada yang benar, ada yang tidak benar.

Apabila saya memasuki kementerian ini antara arahan saya yang pertama kepada UDA ialah membuat kajian tentang penyertaan bumiputera di bandar, ruang niaganya, kediamannya. Maka angka-angka yang disebutkan dalam *Utusan Malaysia*, rintihan yang disebutkan oleh Machang itu adalah hasil daripada kajian yang telah pun saya umumkan dalam Dewan ini bulan November yang lalu apabila menjawab salah satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat. Itu adalah hasil kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian, malah pihak kementerian juga bukan limit atau menghadkan kajian kepada Lembah Kelang.

Kita juga telah membuat kajian di Kelantan dan kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan di kawasan-kawasan tertentu lebih sedikit 50% daripada ruang niaga dimiliki oleh bumiputera. Kelantan - 95% bumiputera, tetapi ruang niaga yang dimiliki oleh bumiputera (orang Melayu) di beberapa kawasan cuma 54%-55%. Kajian ini adalah kajian yang berterusan.

Kita mengambil tindakan berlandaskan fakta, maka saya ingin nyatakan walaupun di Kelantan, di mana penduduknya kebanyakan bumiputera 95%, milik bumiputera di kawasan-kawasan tertentu cuma 55%, maka jika Yang Berhormat dari Machang ingin menjadikan Tumpat, Kelantan dan lain-lain, sebagai contoh, Yang Berhormat dari Tumpat sebut sebagai 'ulat', 'ulat dalam kepala menteri' - itu sangkaan jahat. Kita hendaklah mempunyai hati yang

bersih, tidak boleh kita sangka jahat, menyatakan bahawa kita mengeluarkan arahan untuk memberhentikan projek-projek UDA.

Saya ingin Yang Berhormat dari Tumpat beri bukti sekarang, mana arahan yang saya keluarkan supaya UDA menghentikan projek di Kelantan dan saya mencabar Yang Berhormat dari Tumpat berilah tanah 1,000 ekar di Kelantan dan UDA sanggup untuk membela kepentingan bumiputera di Kelantan. *[Tepuk]*

Saya ingin menyarankan apabila kita bercakap jangan emosi, hati kita mesti bersih, mesti ikhlas berlandaskan fakta - ini penting. Jangan kita kata ada 'ulat'. Saya tidak mahu kata Yang Berhormat ada 'ulat', saya agak mungkin ada 'ulat' - tidak tahu, tetapi saya tidak mahu menuduh Yang Berhormat ada 'ulat di kepala atau dalam perut' - itu bukan perangai saya, Yang Berhormat - saya tidak tahu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya apa yang dikatakan itu hendaklah dikotakan - insya-Allah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita bercakap tentang UDA dan kalau besok Yang Berhormat boleh beri tanah 1,000 ekar kepada UDA, maka boleh kita bangunkan. *[Tepuk]*

Yang Berhormat dari Machang menyebut tentang rintihan dalam *Utusan Malaysia*, rintihan itu datang dari fakta, sebagaimana Yang Berhormat

dari Wangsa Maju ada fakta dan fakta ini dan kita buat kajian. Saya mengarahkan dibuat kajian dan kita dapat fakta, fakta Lembah Kelang dan juga fakta Kota Bharu dan kita sekarang membuat kajian di seluruh Malaysia, bukan sahaja di Lembah Kelang dan Kota Bharu.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyebut satu lagi rintihan, rintihan oleh Presiden Persatuan Kontraktor-kontraktor Melayu Kelantan kira-kira 3-4 minggu lalu yang menyeru Kerajaan Negeri Kelantan supaya memberikan kontrak-kontrak di Kelantan kepada kontraktor bumiputera, ini juga rintihan. Kita berharap perkara ini akan diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan negeri supaya kontraktor bumiputera diberi perhatian.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang kerana menjadi seolah-olah hari ini seperti jaguh membela kepentingan Melayu. Yang sebenarnya yang membela kepentingan Melayu ini banyaknya ialah Yang Berhormat dari Yan, Yan ada? Yang Berhormat dari Parit Sulong, ini adalah jaguh-jaguh membela kepentingan Melayu. *[Tepuk]* Yang Berhormat Machang ini dia bercakap sahaja, sudah enam tahun memerintah di Kelantan tidak ada pun bukti yang menunjukkan bahawa ia membela kepentingan Melayu.

Tadi, Yang Berhormat dari Machang kata mula-mula kawasan saya rumah buruk, lepas itu beri contoh kawasan dia, tangga pun tidak ada, rumah di kawasan beliau. Saya mengakui perkara ini berlaku, jadi kalau Yang

Berhormat dari Machang ada bercakap banyak tentang agihan, korporat-korporat tertentu yang dibantu oleh kerajaan tidak membantu yang lain, beri saya satu contoh dalam dunia ini di mana kita dapat lihat agihan pendapatan sama rata.

Yang Berhormat dari Machang mengaku di kawasan beliau ada rumah tidak ada tangga dan saya mengaku di kawasan saya ada rumah tidak ada tangga, beri contoh di mana ada perfect equality, dengan izin, di negara komunis sekali pun, tidak ada sebuah negara yang mampu untuk melahirkan sebuah masyarakat yang adil, seadil-adilnya - itu menjadi matlamat kita, tetapi sukar hendak dicapai.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya tidak mahu terlibat dengan kontroversi yang tidak menguntungkan. Tetapi bila kita bercakap komen macam ini janganlah Yang Berhormat Menteri tuduh saya hendak 'mendabik dada'. Saya bercakap begini bukan dalam Dewan ini, dalam ceramah-ceramah saya pun di mana inilah komitmen saya, bukan saya hendak mendabik dada Yang Berhormat, ini tugas saya untuk bangkit - saya bangkit. Yang Berhormat hendak dengar, hendak implemen itu tugas Yang Berhormat selaku menteri.

Bolehkah Yang Berhormat nyatakan sekarang ini skop UDA hanya memainkan peranan di kawasan-kawasan bandar, kawasan besar seperti di Kuala Lumpur, di Ipoh, di Kota Bharu, di Pulau Pinang kawasan bandar?

Kawasan bandar ini adalah kawasan tumpuan orang-orang Melayu yang tidak begitu ramai. Bolehkah selepas ini skop peranan UDA ini diperluaskan ke kawasan-kawasan pekan-pekan kecil, misalannya pekan Batu Melintang, di kawasan Yang Berhormat, di kawasan Batu 30 di Machang, kawasan saya, kawasan-kawasan ini perlu dibangunkan? Orang Melayu mempunyai tanah di tempat-tempat seperti ini, tetapi mereka tidak mampu untuk mengeluarkan modal, pergi berjumpa dengan bank, bank akan minta 10% interest, 12% interest, tanah mesti dicagar, kadang-kadang tidak mampu untuk membayar balik, bolehkah UDA memainkan peranan ini supaya jangan menumpukan perhatian di kawasan bandar sahaja? Kemudian selepas daripada ini menumpukan kawasan-kawasan di luar bandar. Itu satu, saya hendak minta penjelasan.

Yang kedua, tadi saya bangkitkan dalam ucapan saya, dalam akta pengkorporatan ini, kuasa mengambil balik tanah UDA - tiada. Itu saya baca *Hansard* oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri - tidak ada, mengapa kuasa ini dikekalkan kepada UDA, sebab kalau UDA boleh dikontrol 100% oleh Kementerian Kewangan, mengapa Yang Berhormat perlu bimbang mengeluarkan kuasa itu? Kekalkan kuasa itu kerana UDA mempunyai tugas dan amanah untuk membangun dan memastikan penyertaan bumiputera dalam pemilikan ekuiti ini supaya setara, mengapa kuasa ini tidak dikekalkan?

Yang ketiga, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, ini bukan sangkaan buruk Yang Berhormat, tetapi saya hendak mengingatkan janganlah nanti UDA selepas daripada dikorporatkan ini, ada cita-cita selepas daripada ini bahawa UDA akan diswastakan. Kalau ini akan dilakukan ianya tidak membawa apa-apa makna. Saya bimbang apa jadi mula-mula korporat, lepas korporat itu swasta balik, apa yang terjadi pada MAS dan mana-mana badan lain. UDA jangan diswastakan, korporat barangkali untuk membuat imejnya lebih baik, supaya peranannya lebih berkesan dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan - barangkali baik. Ada atau tidak ura-ura bahawa satu masa UDA ini akan diswastakan pula? Itu tiga, saya minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat dari Machang mengenai penswastaan. Saya ingin menyatakan bahawa setakat ini kita cuma bercakap tentang persyarikatan (corporatisation) ataupun mensyarikatkan UDA dan penswastaan tidak berbangkit sama sekali.

Yang keduanya jika sekiranya UDA dilihat sebagai tidak membantu peranan Melayu, maka saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan akan tegas untuk memastikan ia tidak diswastakan.

Sekarang kita bercakap tentang corporatisation ataupun mensyarikatkannya. Oleh kerana UDA merupakan sebuah syarikat amanah, agensi amanah, ia bukan seperti MAS ataupun HICOM, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Ini merupakan syarikat-syarikat milik kerajaan, ada dua jenis syarikat kerajaan. Yang pertama, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan, oleh kerana sebab-sebab tertentu, umpamanya HICOM oleh kerana kita hendak melibatkan diri dalam industri berat. Yang keduanya, kita ada agensi-agensi amanah dan UDA, MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tergolong dalam agensi-agensi amanah. Ada dua kategori yang berbeza.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan akan menetapkan peraturan-peraturan yang amat ketat bagi memastikan bahawa agensi-agensi amanah ini akan terus-menerus memainkan peranan untuk membela kepentingan bumiputera dan jika ada tanda-tanda mereka tergelincir daripada peranan ini, maka kita, dengan izin, will put a stop ataupun put a break on it dan supaya ia berperanan kembali kepada peranan asalnya. Itu mengenai penswastan.

Yang keduanya, berkaitan dengan luar bandar, memang kita telah mengarahkan UDA untuk memainkan peranan yang lebih besar di luar bandar. Arahan ini telah pun dikeluarkan. Luar bandar mungkin sukar di peringkat awal tetapi sekurang-kurangnya di kawasan-kawasan ataupun pusat-pusat bandar pertumbuhan yang baru di seluruh negara, maka ini akan menjadi tumpuan UDA dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga apabila UDA di korporatkan. Sehingga ini pun UDA telah membangunkan 9 kawasan semi urban ataupun pusat-pusat pertumbuhan baru yang melibatkan 19 buah taman

yang melibatkan RM445.3 juta perbelanjaannya. UDA memang telah pun terlibat untuk membangunkan kawasan-kawasan pusat pertumbuhan baru di seluruh negara. Di Kuala Lipis, di Kubang Pasu, di Sungai Petani, di Kuala Kangsar, ini adalah di antara tempat-tempat ataupun 19 kawasan yang saya sebutkan tadi. Saya ingin memaklum di sini, bahawa UDA telah pun diarahkan untuk memainkan peranan yang lebih di pusat-pusat pertumbuhan bandar yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi ialah mengenai pengambilan tanah. Saya ingin memaklumkan dalam konteks ini, bahawa UDA oleh kerana ia dimiliki oleh Kementerian Kewangan, UDA Holdings - 100% milik Kementerian Kewangan merupakan sebuah syarikat kerajaan - yang pertama.

Yang keduanya, merupakan teras agensi iaitu agensi amanah walaupun sekarang ini dikorporatkan tetapi ia tetap merupakan sebuah syarikat kerajaan, oleh itu, kita menjangkakan UDA tidak akan melalui jalan yang sukar untuk mengambil tanah. Sebelum ini pun, UDA akhir-akhir ini tidak pernah mengambil tanah secara compulsory acquisition, di peringkat awalnya, tahun 80-an memang ada compulsory acquisition di Petaling Street ada beberapa kawasan telah diambil oleh kerajaan. Ahli dari Cheras ada membangkitkan tentang pampasan umpamanya, kita membayar pampasan yang sewajarnya, setiap unit kedai dibayar kira-kira RM1 juta apabila UDA mengambil bahagian

atau mengambil balik sebahagian daripada kedai-kedai di Petaling Street. Sebelum adanya UDA, Petaling Street merupakan bandar, kawasan 100% bukan bumiputera, apabila ada UDA beberapa kawasan di Petaling Street telah dibangunkan. Sekarang ini ada UDA Ocean Supermarket.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin, Wangsa Maju ada sebut menyarankan agar UDA menceburi bidang usaha sama, UDA Ocean Supermarket merupakan usaha sama antara UDA dengan bukan bumiputera, 55% UDA, 45% bukan bumiputera. Ocean sebuah syarikat bukan bumiputera, UDA sebuah syarikat bumiputera.

Jadi, saya ingin memberi jaminan di sini, bahawa oleh kerana UDA merupakan syarikat milik kerajaan penuh, maka UDA tidak akan mendapat halangan dalam mengambil balik tanah dan sebelum ini pun tidak ada tanah yang diambil secara compulsory. Antara tanah yang terbaru, yang dibangkitkan juga oleh Cheras kalau tidak silap saya mengenai golf course. Di Bertam Valley umpamanya, UDA membeli tanah daripada sebuah syarikat Inggeris, harganya RM35,000 seekar, UDA tidak diberikan tanah secara percuma. Tahun 80-an ada tanah yang diberikan kepada UDA secara percuma tetapi sejak 10 tahun yang lalu, setiap inci tanah yang dibeli oleh UDA adalah dibeli dengan harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya, kita berpendapat, UDA tidak akan menghadapi laluan yang sukar untuk memastikan bahawa ia akan terus dapat memainkan peranan.

Juga dibangkitkan tentang usaha sama dengan bumiputera, yang dibangkitkan oleh Ahli dari Rompin dan juga Wangsa Maju. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini 46 projek telah pun dilaksanakan secara usaha sama dengan pemilik-pemilik tanah bumiputera, melibatkan kos kira-kira RM125 juta untuk 46 projek adalah usaha sama antara UDA dengan pemilik-pemilik tanah bumiputera, kebanyakannya di Pulau Pinang dan ada juga di kawasan-kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab beberapa persoalan spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras membangkitkan tentang pembinaan padang golf. Ini fakta dan kita tidak boleh lari daripada fakta dan memang UDA telah membina dua padang golf, satu di Kuala Terengganu dan satu di Bertam di Pulau Pinang.

Antara rasional kenapa UDA terlibat dalam pembinaan padang golf ialah untuk memastikan ada cross subsidy antara projek-projek program-program dilaksanakannya supaya keuntungan daripada penglibatan membina padang golf ini dapat digunakan untuk membiayai projek-projek rumah kos rendah dan rumah-rumah yang lain.

Tetapi, saya ingin memberi jaminan di sini, bahawa untuk masa hadapan, UDA akan lebih berhati-hati, malah kita akan meneliti perancangan UDA untuk memastikan bahawa UDA akan membina lebih banyak lagi rumah-rumah termasuklah rumah untuk keperluan golongan berpendapatan sederhana dan juga rumah kos rendah.

Mengenai rumah kos rendah yang dibangkitkan oleh Ahli dari Cheras dan juga oleh Ahli dari Yan dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ahli dari Cheras quote ataupun menyebut angka 11.1%. Saya ingin maklumkan bahawa ini merupakan angka 1994. Sebenarnya daripada kira-kira 15,000 unit kediaman yang dibina oleh UDA, kira-kira 35% adalah merupakan rumah-rumah kos rendah. 35% - Ahli Yang Berhormat dari Cheras, bukannya 11.1%. 11.1% betul tetapi itu merujuk cuma untuk satu tahun iaitu tahun 1994, secara keseluruhannya UDA telah membina kira-kira 35% rumah kos rendah di seluruh negara.

Angka sebenarnya, ialah 4,944 daripada 14,083 rumah yang dibina oleh UDA. 4,944 unit adalah rumah kos rendah, rumah yang berharga RM25,000 iaitu 35% dan pada pandangan kami di kementerian, ini adalah satu angka yang munasabah. Kalau UDA melibatkan dirinya cuma untuk membina rumah-rumah kos rendah, maka sudah pasti UDA akan menghadapi masalah kewangan yang serius, tidak boleh hendak membantu bumiputera.

Dengan melibatkan diri dalam pembinaan rumah kos tinggi, sederhana, membina ruang niaga dan membina satu, dua padang golf, daripada keuntungan yang diperolehi ini, UDA mampu untuk memberikan subsidi kepada pembinaan 4,944 rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, itu antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli dari Cheras. Ahli dari Cheras juga ada membangkitkan tentang pampasan dan juga mengungkit-ungkitkan, menyatakan bahawa UDA pilih kasih dalam agihan untuk memberi ruang niaga dan kediaman kepada bumiputera.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Cheras, bahawa UDA merupakan sebuah badan kerajaan di mana turnovernya cuma RM300 juta, RM400 juta setahun - satu badan kerajaan. Jika dibandingkan dengan sebuah syarikat swasta Country Heights, Berjaya ataupun YTL di mana turnovernya RM501,000 juta, bermakna saiz UDA ini satu badan agensi kerajaan adalah bersamaan dengan sebuah syarikat nit size ataupun syarikat sederhana yang dimiliki oleh bukan bumiputera.

Saya ingin memberi gambaran ini untuk dua tujuan, yang pertama untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat dari Cheras, bahawa tidak ada pilih kasih dalam UDA. UDA diberi peranan untuk membantu bumiputera dan tidak ada dalam angka-angka yang kita ada, ada tempat pilih kasih untuk bumiputera. Malah, kalau kita lihat kepada unit ruang niaga yang disewa, yang dibeli, yang dijual kepada orang ramai, kepada bumiputera cuma 56% atau 57% sahaja, yang dijual kepada orang ramai. Yang disewa 76% kepada bumiputera. Oleh itu, bahagian bukan bumiputera, pada pandangan kami adalah lebih daripada mencukupi dan ini lebih-lebih lagi dalam konteks di mana UDA cuma merupakan satu badan yang kecil, kerdil berbanding dengan Country Heights dan syarikat-syarikat gergasi yang lain.

Maka dengan itu, saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat dari Cheras usah membangkitkan perkara ini, kerana sebagaimana Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan, semua Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan peranan UDA. Ahli Yang Berhormat menyarankan agar UDA memainkan peranan yang lebih aktif lagi. Jita kita setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Cheras, maka kita akan gagal dalam memperjuangkan kepentingan bumiputera.

Mengenai pengambilan tanah, Yang Berhormat dari Cheras mengatakan juga bahawa kita tidak adil. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa di Petaling Street kita membayar harga pasaran. Satu juta ringgit bagi setiap satu unit kedai yang diambil alih. Jadi, tidak ada penindasan ataupun penyelewengan. Dan jika ada pihak yang tidak berpuashati, mahkamah tempat untuk kita mengemukakan aduan bagi menyatakan perasaan tidak berpuashati tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Yan, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana banyak bercakap tentang peranan UDA di luar bandar membina rumah kos rendah, menubuhkan property trust, peranan UDA di Kampung Bharu, dan Yang Berhormat juga bercakap tentang Lembaga Pengarah UDA Holdings supaya ianya diberi kepada mereka yang tidak mempunyai kepentingan diri. Saya ulangi mengucap terima kasih kepada pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Yan. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang memiliki 100% saham UDA Holdings akan memastikan bahawa ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri dari mereka yang benar-benar berwibawa dan berpengalaman.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat dari Machang ada menyebut bahawa UDA ada 27 anak syarikat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa UDA sekarang ini mempunyai 21 anak syarikat. Empat sudah ditutup, dua telah dijual kepada pihak-pihak bumiputera yang lain, tinggal 21.

Saya ingin memaklumkan juga bahawa benar Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah menduduki tiga, empat ahli-ahli ataupun Lembaga Pengarah. Ini benar. Tetapi saya ingin memaklumkan juga bahawa oleh kerana UDA merupakan agensi kerajaan, UDA tertakluk kepada surat pekeliling daripada JPA yang menyatakan bahawa seorang penjawat awam itu tidak boleh menerima ganjaran lebih daripada angka-angka tertentu. Dalam hubungan ini, dalam kes UDA, bayaran Pengarah cuma dalam lingkungan RM1,000 hingga RM3,000 setahun bagi setiap Pengarah. Bukan sebulan, tetapi setahun. Seorang Pengarah, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah tidak boleh menerima

angka yang melebihi satu had yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh itu, tidak berlaku pembaziran.

Saya ingin memaklumkan bahawa tahun ini ataupun tahun lepas umpamanya, kos pentadbiran UDA cuma RM31 juta berbanding perbelanjaan RM392 juta. Ini bermakna cuma 8% sahaja daripada kos keseluruhannya UDA adalah dikeluarkan ataupun dibelanjakan untuk membayar gaji dan upahan kakitangan. Oleh hal demikian, tidak timbul isu pembaziran. Kita cukup yakin, dan kerajaan akan pastikan bahawa UDA tidak akan membazir dalam membelanjakan peruntukan yang diberi ataupun yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan ada menyaran tentang perlunya UDA memainkan peranan membangunkan tanah-tanah simpanan Melayu, seperti di Yan, Kedah. Saya ingin memaklumkan bahawa cadangan ini adalah cadangan yang baik. Cadangan ini memang dilaksanakan oleh beberapa badan tertentu. Mungkin ada kelemahan-kelemahan. Pendekatan lampau ada kelemahannya, ada Tanah Rizab Melayu yang tidak dibangunkan dengan sempurna, ataupun ada Tanah Simpanan Melayu dibangunkan oleh pihak lain, bukan pihak Melayu. Perkara ini telah pun dijawab oleh Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi semasa menggulung perbahasan.

Saya tidak ingin pergi lebih lanjut dalam hal ini kerana ini melibatkan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Cuma saya ingin memberi jaminan sebab ada Ahli Yang Berhormat bahawa UDA menerima baik cadangan Yan dan kita sanggup menerima pandangan ini. Jika ada cadangan dari mana-mana pihak untuk membangunkan Tanah Rizab Melayu, kita akan melaksanakannya. Sebagaimana saya katakan tadi, UDA telah membangunkan 46 kawasan tanah kepunyaan orang-orang Melayu melibatkan kos RM125 juta.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang bersetuju untuk membangunkan tanah ini. Cuma satu, kelmarin saya lupa hendak khabar, adakah kementerian

juga mungkin bercadang untuk membangun tanah-tanah wakaf ini? Kerana banyak tanah-tanah wakaf ini terbiar. Macam di Tanjong sendiri pun memang sudah syarikat wakaf dan sebagainya, kadang-kadang tanah wakaf duduk dalam bandar, tetapi tidak boleh dibangunkan kerana masalah-masalah kewangan dan sebagainya. Jadi, mungkin UDA Holdings Sdn. Bhd. boleh melibatkan diri untuk membangunkan tanah-tanah wakaf ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Yan. Cadangan ini telah pun dikemukakan kepada pihak pengurusan UDA. Cadangan supaya UDA membangunkan kawasan tanah wakaf adalah dalam perhatian UDA, di mana sesuai saya percaya Pengerusi UDA yang ada di hadapan akan menimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan membangkitkan dua lagi perkara yang ingin saya sentuh. Yang pertama, pembangunan Kampung Bharu di Kuala Lumpur, dan yang kedua, property trust. Ketiga, ialah pembinaan rumah kos rendah dan ruang niaga, harganya kata Yang Berhormat dari Yan dan juga dari Machang adalah tinggi dan oleh itu tidak mampu dibeli oleh bumiputera. Mengenai Kampung Bharu, perkara ini adalah dalam tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan pihak UDA sanggup bekerjasama dengan mana-mana pihak. Saya difahamkan bahawa perkara ini belum lagi diputuskan, masih lagi dalam pertimbangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan JPM bagaimana hendak membangunkan Kampung Bharu, dan pihak UDA ingin menyatakan kesediaan untuk mengadakan usaha sama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan Kampung Bharu.

Mengenai property trust yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju, cadangan ini adalah cadangan yang baik, telah beberapa kali dikemukakan. Kita akan mengemukakan ini untuk pertimbangan kerajaan khususnya dalam konteks pemilikan hartanah yang rendah oleh bumiputera yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Mengenai kos rumah kedai ini, memanglah kos rumah kedai sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat dari Machang, tinggi dan tidak mampu dibeli oleh bumiputera. Inilah antara sebabnya kenapa tahap pemilikan bumiputera adalah rendah di bandar. Sebagaimana yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya ingin mengulangi apa yang beliau kata, adakah kita hendak berhenti untuk membangunkan negara ini? Beliau sebut, adakah Yang Berhormat dari Machang bersetuju untuk memberhentikan pembangunan samasekali dan menunggu sehingga Semangat 46 memerintah negara ini, dan dengan itu dapat dibangunkan masyarakat Melayu, ini persoalannya. Persoalannya sama ada kita berhenti semua sekali dan menunggu sehingga bumiputera mampu ataupun kita rancangan dengan tersusun dan memastikan penglibatan bumiputera. Kerajaan memilih untuk membangunkan negara ini. Kita ingin melihat negara kita terus membangun. Pada masa yang sama, kita cuba memastikan bahawa penglibatan bumiputera berada pada tahap yang setinggi mungkin.

Kita akui bahawa ada kelemahan. Angka-angka yang disebut tadi adalah angka-angka yang benar yang terbit daripada kajian yang kementerian arah UDA buat, iaitu rintihan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Machang tadi. Tetapi kita mengambil pendekatan pembangunan tidak boleh disekat. Pembangunan harus diteruskan. Di Bangsar kita tahu rumah unit kedai memang harganya RM2.5 juta ataupun RM3 juta. Saya ingin maklumkan bahawa di Bangsar, dalam konteks rumah kedai harga yang tinggi ini, harga unit rumah yang tinggi ini, maka UDA telah pun membina beberapa projek di Bangsar yang mana diagihkan kepada bumiputera. Jadi, UDA pun ada peranan di Bangsar. Kalau tidak ada UDA, maka tidaklah ada Melayu di Bangsar. Tetapi dengan adanya UDA, adalah beberapa orang Melayu di Bangsar yang berniaga di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Libaran membangkitkan tentang ataupun mencadangkan agar UDA bergerak lebih cergas di Sabah. Saya ingin maklumkan bahawa saya telah pun mengarahkan Ketua Pengarah UDA untuk ke Sabah. Dan beliau telah pun ke Sabah dan mengadakan beberapa perbincangan dan kita telah mengkajinya. Antara masalah utama di Sabah ialah harga tanah yang agak tinggi dan pihak UDA masih lagi berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah, pihak-pihak tertentu di Sabah agar UDA dapat mengurangkan kos tanah. Ini masalah chicken and egg problem tadi. Oleh kerana harganya tinggi, maka kos pembangunan akan tinggi, dan dengan itu

bumiputera tidak akan mampu. Oleh itu, UDA sedang berunding dengan pihak-pihak berkenaan di Sabah untuk memastikan bahawa harga tanah yang dibeli itu adalah munasabah dan akhirnya membolehkan UDA membina premis perniagaan yang boleh dimiliki dan juga disewa oleh bumiputera. Terima kasih Yang Berhormat dari Libaran kerana membangkitkan perkara ini.

Libaran juga meminta supaya golongan profesional Ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia berada dalam Lembaga Pengarah. Oleh kerana UDA akan menjadi milik Menteri Kewangan, maka kita akan kemukakan pandangan kepada Kementerian Kewangan dan saya percaya Kementerian Kewangan akan memastikan bahawa Ahli Lembaga Pengarah UDA adalah mereka yang terdiri daripada orang-orang yang berwibawa sepertimana yang saya telah jawab apabila menyebut tentang hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan beberapa perkara. Pertama, berkaitan dengan badan kawal selia. Memanglah Tenaga Nasional dalam bidang elektrik dan juga Telekom adalah badan kawal selia. Badan-badan ini atau agensi kerajaan ini telah pun diswastakan, maka perlu ada badan kawal selia. UDA tidak diswastakan, UDA cuma dikorporatkan, maka kita berpendapat bahawa adalah tidak perlu UDA mempunyai badan kawal selia. Dengan penelitian atau pun arahan dan juga pengawasan oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan, kita percaya bahawa

UDA akan dapat berfungsi dengan berkesan, walaupun tidak ada badan kawal selia. Badan kawal selia hanya ditubuhkan bagi agensi tertentu yang diswastakan.

Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan tentang latihan. Pada masa ini UDA belum ada rancangan untuk menubuhkan sebuah kolej, kerana UDA bukan diswastakan, UDA cuma satu agensi kerajaan yang dikorporatkan, UDA bukan seperti Tenaga Nasional ataupun Telekom yang mempunyai sumber kewangan yang besar yang mungkin boleh menubuhkan sebuah universiti, maka UDA setakat ini tidak se'ambitious' itu dan kita ingin tekankan bahawa bidang ini harus dimainkan oleh pihak-pihak lain yang lebih mampu.

Mengenai penyenggaraan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kepong dan saya minta supaya Kepong memberikan butir-butir lengkap kepada saya - mana yang tidak kenanya dan kita akan ambil tindakan sertamerta, kerana UDA ada syarikat yang ditubuhkan khusus untuk menyenggara bangunan-bangunan dan jika ada mana-mana ruang yang boleh diperbaiki dari segi penyenggaraan, maka kemukakan maklumat kepada kita dan kita akan mengambil tindakan sertamerta untuk memperbaiki keadaan.

Itulah antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Kepong. Yang Berhormat dari Rompin - saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang dikemukakan oleh beliau. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau ialah beliau bertanya sama ada UDA akan menumpukan perhatian

kepada sektor harta tanah semata-mata? Kenapakah UDA tidak memainkan peranan yang lebih luas untuk membangunkan bumiputera di bandar dalam bidang service, pembuatan dan sebagainya. Saya ingin maklumkan dalam konteks ini, bahawa UDA adalah sebuah agensi kerajaan sebelum ini dan akan dikorporatkan antara agensi kerajaan. Selain daripada itu, ada SEDC (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) di Kelantan ada SEDC, di Selangor ada SEDC dan sebagainya. Maka UDA cuma salah satu daripada agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan bandar dan untuk menyusun semula bandar. Oleh hal yang demikian, UDA akan bersama-sama dengan pihak-pihak lain untuk memastikan kita dapat membangunkan kawasan bandar bagi memajukan bumiputera.

Sama ada UDA akan menumpukan perhatian kepada harta tanah sahaja, buat masa ini UDA terlibat dalam bidang harta tanah iaitu membina rumah dan juga rumah kedai, selain itu UDA terlibat dalam bidang retailing supermarket. UDA mempunyai syarikat yang sama iaitu UDA-Ocean yang terlibat dalam bidang retailing. Jadi, saya percaya bila UDA dikorporatkan bidang-bidang baru yang ada hubung kaitnya, umpamanya, to move upstream, dengan izin, UDA banyak membina rumah, mungkin UDA boleh mengkaji kemungkinan untuk membina kilang-kilang, malah UDA sudah ada kilang membuat batu-bata sekarang ini bagi digunakan dalam industri pembinaan.

Saya percaya kegiatan-kegiatan-kegiatan upstream dan downstream akan dapat dikaji oleh UDA apabila ia dikorporatkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kita untuk membela kepentingan bumiputera tetap tinggi, walaupun ada kebimbangan daripada Machang, kita tetap dengan komitmen. Walaupun Machang nampaknya berkobar-kobar hendak membela kepentingan bumiputera, saya ingin maklumkan bahawa UMNO lebih banyak berjasa kepada bumiputera daripada Semangat 46. UMNO lebih banyak program untuk membela kepentingan bumiputera, di Kelantan pun saya tidak nampak bagaimana Yang Berhormat Machang memainkan peranan aktif untuk membela kepentingan bumiputera. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa kami di Barisan Nasional akan memperjuangkan kepentingan bumiputera lebih hebat daripada Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin juga membangkitkan tentang 'financial instrument'. Beliau ingin tahu sama UDA akan menggunakan instrumen kewangan yang lain, sama ada UDA akan meminjam wang dari market untuk membiayai perbelanjaannya. Sebelum ini UDA cuma menerima pinjaman dari Kerajaan Pusat. Pinjaman sekarang ini sebanyak RM910 juta yang belum dibayar dan UDA Holdings akan diberikan modal dan modal dibenar atau modal berbayar ialah RM300 juta, dibenarkan RM500 juta. Dan sudah pasti apabila dikorporatkan, oleh kerana UDA tidak bergantung kepada kerajaan - UDA sudah lama tidak bergantung kepada

kerajaan dan hutang yang ada ini ialah hutang-hutang lama, hutang baru dalam masa 5, 6 tahun tidak ada - satu sen pun UDA tidak berhutang, baik dari kerajaan mahupun dari swasta, iaitu institusi kewangan. Saya ingin menjelaskan bahawa UDA akan berdikari dan sudah pasti UDA akan memikirkan cara-cara bagaimana hendak memastikan kegiatannya tidak terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah sebut tadi, Rompin juga membangkitkan tentang “Paradigm Shift”. Saya telah jawab tadi sama ada hendak difikirkan tentang joint venture - sudah pun ada joint venture, sama ada hendak dibangunkan tanah kepunyaan bumiputera? Sudah pun ada projek-projek UDA di mana UDA membangunkannya secara usaha sama antara UDA dengan pengusaha-pengusaha bumiputera. Jadi, perkara ini tidak berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa telah menjawab kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang di peringkat awal tadi, iaitu rintihan-rintihan yang dibangkitkan oleh beliau mengenai pengambilan tanah, kurang 6% pemilikan bumiputera di bandar, harga yang tinggi dan sebagainya. Saya ingin mengulangi sekali lagi, untuk menjawab persoalan beliau bahawa adalah mustahil untuk kita mewujudkan sebuah masyarakat yang 100% adil, di mana kekayaan diagihkan sama rata. Saya ingin mencabar sekali lagi Kerajaan Negeri Kelantan supaya

membuktikan kemampuannya untuk mengagihkan pendapatan dengan sama rata, sama ada Kelantan boleh memastikan rumah batu besar-besar dapat dirobohkan, rumah yang tidak ada tangga di Machang, di Jeli dan Kubang Kerian dapat diberikan tangga, saya ingin mencabar dalam masa satu, dua tahun ini, Kerajaan Kelantan boleh mengagihkan pendapatan secara adil.

Kita hendaklah realistik, tidak ada sebuah kerajaan pun di mana-mana jua dan saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat Machang di sini bahawa korporat kita adalah bertanggungjawab. Kementerian Pembangunan Usahawan.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Fasal dia sebut Machang banyak kali sangat, jadi, saya pun tidak sedap hendak duduk diam. Apa yang saya hendak sebutkan tadi, saya faham tidak ada kerajaan dalam dunia ini boleh memberi keadilan yang 'perfect' kepada rakyat. Saya akui dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri dalam soal ini.

Apa yang saya bangkitkan ialah keseimbangan dan keadilan dari segi peluang itu. Kalau peluang itu ada, mestilah diagih sama adil. Janganlah satu pihak di Kuala Lumpur kita tengok bangunan tertinggi di dunia, tetapi di Jeli ada rumah yang masih tidak ada tangga - itu nampak perbezaannya, amat nyata. Bukan saya tidak bangga kita mempunyai bangunan yang tertinggi di dunia. UDA memainkan peranan tetapi dari satu segi, beza jurangnya itu cukup luas - menyebabkan jurang perbezaan ekonomi itu terlalu besar jurangnya hasil

daripada pembangunan yang tidak seimbang tadi. Sebab itu, saya tegaskan sekali lagi, bahawa kita tidak menentang pembangunan, kita setuju dengan pembangunan, tetapi dalam perancangan ini, mesti diambil kira supaya orang Melayu tidak ketinggalan kebelakangan. Ini persoalan saya, Yang Berhormat. Saya akui tidak ada dalam dunia ini negara yang boleh buat 'perfect'. Bukan sahaja negara, orang, Nabi Muhamad s.a.w. sendiri pun tidak mendakwa perfect dari segi hati dan perasaannya. Itu saya akui.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kalau mengaku macam itu Alhamdulillah. Terima kasih banyaklah.

**Seorang Ahli:** Balik masuk UMNO!

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai peluang-peluang ini, kita tidak sebut fasal hutang. Ada orang yang diberikan peluang tetapi dia pergi ke bank, ada tanggungannya. Peluang satu, tetapi itu kita tidak adil, kita melihat juga kepada beban yang ditanggung oleh mereka, nampak sedap. Tetapi tahukah Machang, malam-malam setengahnya tidak boleh tidur? Walaupun diberi peluang oleh kerajaan tetapi terpaksa berhutang kepada bank. Jadi, kita hendaklah adil kepada mereka, bukan sahaja peluang diberikan, tetapi mereka terpaksa menanggung risiko yang tinggi, sama ada MAS ataupun HICOM mereka perlu meminjam duit yang banyak untuk mendapat peluang yang diberikan oleh kerajaan.

Satu lagi yang ingin saya maklumkan dalam hubungan ini, pembangkang selalu menyebut tentang gergasi-gergasi, mereka yang ditolong, millionaire, jutawan-jutawan bumiputera tetapi mereka tidak sebut tentang pembelaan yang diberi oleh kerajaan kepada peniaga-peniaga kecil. Banyak sekali peniaga kecil. Di Rengit, Johor, Yang Berhormat dari Benut, ada di sini? Saya bersama Yang Berhormat dari Batu Pahat, minta maaf saya, Benut dan Batu Pahat ya. Di Rengit, ada seorang peniaga bumiputera yang berniaga di kedai MARA, sewanya RM45 sebulan tetapi pendapatannya RM1 juta setahun, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kerana MARA. Jadi, kita hendak adil, jangan kita sebut Tan Sri Rashid Hussin ke, Datuk Seri Yahya ke, Tan Sri Wan Azmi ke, ada ramai yang lain lagi.

Semalam saya ke Bukit Kayu Hitam. Saya berjumpa dengan 30 orang peniaga bumiputera. 10 tahun lalu dibangunkan Bukit Kayu Hitam, dulu hutan! Tidak ada Kawasan Bebas Cukai, tidak ada Universiti Utara Malaysia. Sekarang ini Bukit Kayu Hitam, Changloon, berkembang dengan pesat. Saya melawat 10 tahun lalu, kawasan yang sama barang dua, tiga sahaja, tidak banyak barang, daif semua. Semalam saya pergi melawat mereka, 30 orang di kawasan Bukit Kayu Hitam, mereka semua gembira. Mereka gembira kerana menjadi usahawan yang berjaya. Mereka menjamu saya durian di masjid di Bukit Kayu Hitam semalam, Yang Berhormat dari Machang! Kerana saya melawat mereka dan saya gembira mendengar cerita sekarang mereka hendak

mencari jalan bagaimana mereka boleh membangunkan lagi perniagaan. Mereka bersyukur kepada kerajaan.

Yang saya hendak sebut, jangan kita nyatakan di dalam Dewan ini, cuma mereka yang berjaya yang diberi peluang, ramai lagi yang kecil-kecil. Yang saya hendak, Yang Berhormat bersyarah di kawasan Sri Gading ke, mana ke, mana-mana kawasan di Johor ke, ataupun dari Kubang Kerian pergi ke Rompin, sebut juga yang saya cerita ini. Yang berjaya hasil kerajaan umpamanya CGC telah membantu 40,000 peniaga kecil. 40,000 satu angka yang besar, saya hendak Yang Berhormat dari Kubang Kerian pergi ke Rompin, esok lusa, sebut 40,000 telah dibantu oleh kerajaan melalui Skim Pinjaman Penjaja Kecil. Jangan sebut yang besar sahaja. Kita hendak supaya kita berlaku adil. Saya hendak supaya kita ada, dengan izin, crack impression, jangan kita prejudis, jangan kita kata kerajaan ini membantu cuma orang besar-besar, orang yang kuat, yang gagah. Kita seolah-olah mendengar orang bercakap ini, kerajaan tidak membela langsung kepentingan golongan daif marhain. Ini dusta, ini tidak benar. Kerajaan ini membela kepentingan semua pihak. Berhentilah Machang ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawablah semua soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Machang, saya ingat. Sekarang ini saya hendak jawab pula perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari, saya

lupa tadi, siapa lagi? [*Menyemak sesuatu*] Saya kira saya sudah menjawab kebanyakan soalan-soalan yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju ada menyarankan dua, tiga cadangan. Yang pertama, ditubuhkan dana supaya dapat diambil alih ruang niaga bagi pihak bumiputera, disewa ataupun dibeli dan akhirnya dijual atau disewa. Juga, disebutkan tentang usaha sama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Juga disebutkan tentang property trust. Saya telah pun menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya telah....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan bangun pula, ha!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Takut dia kata “terima kasih”, saya tidak ada peluang, Tuan Yang di-Pertua. Itu saya panggil “Tuan Yang di-Pertua”.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih semua yang ada dalam ucapan saya itu. Insya-Allah, ke depan kalau UDA sudah maju, UDA Sdn. Bhd. ini sudah maju, mungkin satu hari nanti, ia akan diswastakan. Jadi, adakah pihak menteri mengambil ingatan supaya penswastan ini pada masa-masa akan datang diberi keutamaan kepada orang yang bekerja membangunkan

UDA itu kerana mereka bertungkus lumus untuk membangunkan. Jadi, adakah ke depan ini keutamaan ini diberi kepada kakitangan UDA sendiri daripada pengerusi sampailah kepada pelayan pejabat [*Ketawa*] termasuklah Larut?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berbangkit, tidak berbangkit lagi. Tiba masanya kita pertimbanglah cadangan dari Yan ini dan Ahli Yang Berhormat dari Larut belum tahu lagilah.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya kira saya telah menjawab sebahagian besar walaupun tidak semua persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Akhirnya saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa UDA merupakan sebuah, dengan izin, trust agency, sebuah agensi amanah dan ianya dikategorikan dalam kategori yang berlainan daripada syarikat-syarikat kerajaan yang diswastakan. Oleh hal yang demikian, maka pertimbangan untuk membela kepentingan bumiputera berada di tahap yang paling teratas dan sekiranya ada tanda-tanda UDA tergelincir daripada peranan utamanya, maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk memastikan ia akan kembali ke landasan yang awal. Kita ingin memberi pengakuan juga....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pengakuan. Ini macam pengakuan yang dibuat oleh bekas Timbalan

Perdana Menteri terhadap Akta Pengambilan Tanah. Macam inilah pengakuannya dulu.

**Seorang Ahli:** Pulak dah!

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih atas ingatan yang sinis dari Kubang Kerian dan ini bukan perkara luar biasa. Terima kasih dan saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semualah, kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kubang Kerian, Machang dan khususnya Yanlah, dan Rompin, Wangsa Maju termasuk juga Cheras atas segala pandangan yang diberikan. Tujuan Yang Berhormat yang memberikan...Ahli Yang Berhormat dari Kepong! terlupa Kepong, fasal lama tidak jumpa dia, minta maaf. Terima kasih atas pandangan yang dikemukakan dan mana-mana yang tidak sempat saya jawab, insya-Allah, kita akan beri perhatian. Sekian.

*[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **USUL**

#### **PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI PENUKARAN PINJAMAN RM300 JUTA KEPADA EKUITI DALAM UDA HOLDINGS SDN. BHD.**

**6.20 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Dewan ini, selaras dengan peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan melabur dalam UDA Holdings Sendirian Berhad melalui penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad.”

Dalam sesi persidangan Dewan yang mulia ini kelmarin dan hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan dengan panjang lebar Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar berhubung dengan

pembubaran serta syarikat pengganti bagi menggantikan ekuiti UDA yang dibubarkan.

Kedua-dua rang undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan ini. Selaras dengan pembubaran UDA, sebuah syarikat ganti yang dikenali sebagai UDA Holdings Sendirian Berhad atau UHSB telah ditubuhkan bagi melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada UDA. Syarikat ini mempunyai modal dibenar sebanyak RM500,000,000.00 dan modal berbayar sebanyak RM300,000,000.00.

Kesemua modal berbayar UHSB akan dipegang oleh Menteri Kewangan diperbadankan. Kerajaan tidak bercadang menyediakan peruntukan kewangan baru untuk disuntik sebagai ekuiti kerajaan dalam UHSB, tetapi sebaliknya ia akan dibayar dengan mempermodalkan sebahagian daripada pinjaman kerajaan kepada UDA iaitu sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti.

Cadangan untuk mempermodalkan sebahagian daripada pinjaman ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- (i) Kerajaan Persekutuan dapat mengelakkan daripada mengeluarkan wang sejumlah RM300,000,000.00 untuk membiayai modal ekuiti UHSB;
- (ii) akan mengurangkan jumlah liabiliti hutang yang terpaksa ditanggung oleh UHSB; dan

- (iii) pengurusan liabiliti hutang syarikat akan menjadikan pengkorporatan UDA lebih berdaya maju dan membolehkan kerajaan menyenaraikan UHSB di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kelak.

Selepas mengambil kira pinjaman sebanyak RM300,000,000.00 ditukar kepada ekuiti, baki pinjaman Kerajaan Persekutuan yang akan diambil alih oleh UHSB adalah lebih kurang sebanyak RM600,000,000.00 sahaja. Dengan jumlah pinjaman yang berkurangan, UHSB akan berupaya membayar balik pinjaman ini setiap tahun tanpa mengganggu aktivitinya dalam melaksanakan projek-projek pembangunan bandar seperti yang telah dan sedang dilaksanakan oleh UDA.

Pelaburan kerajaan dalam UHSB dijangka akan memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan apabila UHSB diswastakan dan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Sebagai sebuah entiti korporat, UHSB akan dapat memainkan peranan dengan lebih gigih lagi selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara dan ini akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat negara ini serta juga pemegang sahamnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi, pelaburan kerajaan melalui penukaran pinjaman kepada ekuiti memerlukan resolusi

Dewan Rakyat selaras dengan peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957, (Pindaan) 1972.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dipohon menimbang dan memberi persetujuan kepada resolusi ini supaya pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada UDA sebanyak RM300,000,000.00 ditukar menjadi ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

**6.25 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang untuk membahaskan dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan tadi.

Di sini, saya ingin bertanya tentang cadangan pihak kerajaan untuk membolehkan UDA Holdings Sendirian Berhad atau UHSB disenaraikan dalam BSKL. Bolehkah pihak kementerian memberikan jaminan di sini bahawa

UHSB yang kelak disenaraikan dalam BSKL tidak akan dijual kepada pihak swasta?

Seperti yang suka diamalkan baru-baru ini, sebagai satu contoh di mana Hicom, sungguhpun telah melibatkan dan membabitkan pelaburan yang agak besar oleh pihak kerajaan telah dijual tanpa tender terbuka kepada satu pihak. Saya rasa keadaan sedemikian amat mencurigakan rakyat Malaysia kerana bukan sahaja dari segi wang rakyat yang terlibat, tetapi dari segi prinsip ketelusan dan akauntabiliti yang tidak ditegakkan.

Saya juga ingin tahu tentang jumlah geran yang setakat ini diberikan oleh pihak kerajaan kepada UDA, apakah keseluruhan jumlah geran yang telah diberikan kepada UDA sebelum ini selain daripada pinjaman-pinjaman yang dihulurkan kepada UDA selama ini? Kalau tidak silap saya tadi, Yang Berhormat telah menyatakan bahawa selepas penukaran pinjaman ini kepada ekuiti sebanyak RM300,000,000.00, UDA masih berhutang kepada kerajaan sebanyak RM600,000,000.00, kalau saya tidak silap. Kalau begitu, adakah ini bermakna bahawa jumlah pinjaman daripada pihak UDA kepada pihak kerajaan adalah menjangkau RM1 billion.

Ini agak berlainan sedikit daripada jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam di mana beliau menyatakan tentang jumlah pinjaman UDA daripada pihak kerajaan ialah kurang daripada apa yang disebutkan tadi.

Oleh sebab itu, saya harap pihak kementerian bolehlah menjelaskan tentang jumlah yang berbeza ini iaitu kalau saya boleh merujuk kepada *Hansard* semalam bahawa jumlah pinjaman yang diterima oleh UDA, ini ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan iaitu Yang Berhormat Tuan Idris bin Jusoh, jumlah pinjaman yang diterima oleh UDA sehingga tahun 1995 ialah sebanyak RM1,313 juta. Jumlah yang telah dibayar balik setakat Disember 1995 ialah sebanyak RM929.14 juta. Kalau begitu, ini bermakna bahawa UDA masih berhutang kepada pihak Kerajaan Pusat kira-kira RM400 juta.

Tetapi tadi kalau saya tidak silap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau saya tidak silap, menyatakan masih ada hutang RM600 juta selepas penukaran pinjaman ini. Kalau saya silap dengar, saya minta maaf. Tetapi kalau apa yang saya dengar adalah betul, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan angka-angka yang lebih tepat dan sahih apakah sebenarnya jumlah pinjaman yang diutang oleh UDA kepada pihak kerajaan. Ini pertama.

Yang kedua ialah tentang milikan ekuiti pihak kerajaan dalam UHSB, apakah pegangan ekuiti oleh kerajaan dalam syarikat pengganti dan juga adalah pihak kerajaan akan membenarkan pihak-pihak lain, sama ada pihak swasta ataupun syarikat-syarikat tertentu untuk memiliki ekuiti dalam UHSB ini dan kalau ya, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan maklumat yang lebih terperinci dan lebih lanjut tentang kriteria membolehkan

syarikat-syarikat atau badan-badan selain daripada pihak kerajaan untuk memiliki ekuiti dalam UHSB?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya bilakah pihak kerajaan bercadang untuk menyenaraikan UHSB ini ke dalam BSKL dan memandangkan bahawa UHSB selepas diperbadankan, sejauh manakah pihak kerajaan akan terus memonitorkan aktiviti-aktiviti di dalam UHSB ini?

Saya membangkitkan soalan ini kerana saya rasa sejak skandal Perwaja, rakyat kini bimbang tentang kemungkinan badan-badan berkanun lain yang dilabur dengan begitu besar oleh pihak kerajaan akan menghadapi masalah penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan mungkin rasuah yang sama dan kita tidak mahu lihat UHSB menghadapi masalah yang sama.

Oleh sebab itu saya harap pihak kementerian boleh memberikan jaminan apakah yang boleh diberikan untuk memastikan bahawa kedudukan atau keadaan seperti ini tidak akan diulangi lagi? Di sini, sebelum saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah habis, dah? Sudah habiskah, Yang Berhormat hendak habiskan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya harap bahawa pihak kerajaan boleh serius tentang penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan, khususnya dari segi pulangan yang boleh diperolehi

daripada penukaran pinjaman ini berbanding kalau pinjaman ini diteruskan.

Apakah kepentingan untuk pihak kerajaan dan juga rakyat Malaysia?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jawab esok, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***